



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
Senate

PARLIMEN KELAPAN
Eight Parliament
PENGGAL PERTAMA
First Session

Jilid I **Bil. 23** **Hari Jumaat** **2hb Ogos, 1991**

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN **(Ruangan 1)**

USUL:

Rancangan Malaysia Keenam 1991-1995 **(Ruangan 41)**

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Jumaat, 2hb Ogos, 1991

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

GAJI PEKERJA KILANG

1. **Puan Hajah Che Pora binti Haji Omar** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan adakah pihak Kementerian memberi garis panduan pembayaran gaji kepada pengusaha-pengusaha kilang yang mengambil pekerja-pekerja dengan gaji yang sangat berbeza di antara satu dengan lain.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' M. Mahalingam]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia tidak ada mengeluarkan apa-apa garis panduan mengenai sistem bayaran gaji yang dilaksanakan oleh pengusaha-pengusaha kilang. Sistem penetapan gaji yang diamalkan sekarang iaitu sama ada melalui perundingan di antara majikan dengan pekerja secara individu atau secara bersama adalah didapati memuaskan. Negara kita juga adalah mengamalkan sistem ekonomi yang bebas dan terbuka, di mana penetapan kadar gaji adalah mengikut gelagat pasaran buruh yang ditetapkan oleh faktor bekalan dan permintaan, atau supply and demand, dengan izin bagi tenaga kerja dan juga bergantung kepada keupayaan firma tersebut untuk membayar.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kategori pekerja yang tidak berupaya berunding dengan berkesan dengan majikan dan memerlukan langkah-langkah perlindungan. Menteri Sumber Manusia diberi kuasa di bawah Akta Majlis Penetapan Gaji 1947 untuk menubuhkan Majlis-majlis Penetapan Gaji bagi tujuan menetapkan kadar-kadar gaji minimum pekerja-pekerja berkenaan. Setakat ini 5 buah Majlis Penetapan Gaji telah ditubuhkan iaitu:-

- (i) Majlis Penetapan Gaji Pekerja Perhidangan dan hotel;
- (ii) Majlis Penetapan Gaji Pembantu Kedai;
- (iii) Majlis Penetapan Gaji Pekerja-pekerja Pawagam;
- (iv) Majlis Penetapan Gaji Pemungkah-pemungkah Kapal, Pengendali-pengendali Muatan dan Anak-anak Sekuci Pulau Pinang; dan
- (v) Majlis Penetapan Gaji bagi Pembantu Kedai di Sarawak.

Tuan Chong Chi Siong: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kekurangan tenaga kerja yang begitu serius terutamanya kilang-kilang di bandar, adakah Kementerian bercadang dengan saluran yang betul untuk mengimport pekerja-pekerja asing ke negara kita untuk membantu meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara kita. Sekiranya ada, sebutkan nama negara yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini adalah terkeluar dari soalan asal.

HARGA BARANG-BARANG KEPERLUAN

2. **Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:-

- (a) apakah jenis barangan keperluan harian yang telah diturunkan harga;
- (b) apakah tindakan yang dikenakan kepada para peniaga yang masih tidak berbuat demikian; dan
- (c) adakah Kerajaan sentiasa membuat kajian bagi menurunkan harga barangan keperluan dan kalau ada apakah barangan yang dicadangkan untuk turun harga pada masa ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dr. Sak Cheng Lum]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna setakat ini hanya mengawal harga barang-barang keperluan yang tertentu, iaitu minyak petrol premium dan regular, minyak diesel, minyak tanah, gas petroleum cecair, simen, batang besi keluli bulat, gula dan tepung gandum.

Daripada bilangan di atas, harga minyak tanah telah dikurangkan sebanyak 5 sen seliter mulai 16hb April tahun ini, iaitu daripada 71.1 sen seliter kepada 66.1 sen seliter di Semenanjung Malaysia; daripada 70 sen kepada 65 sen seliter di Sabah; dan daripada 69.2 sen kepada 64.2 sen seliter di Sarawak. Mulai 1 Jun 1991 pula, harga tepung gandum dikurangkan sebanyak 5 sen sekilogram daripada 85 sen kepada 80 sen sekilogram di Semenanjung Malaysia; dan sebanyak 10 sen sekilogram daripada \$1.05 kepada 95 sen sekilogram di Sabah dan Sarawak.

Daripada pemeriksaan yang dijalankan oleh pegawai-pegawai penguatkuasa Kementerian ini, para peniaga didapati telah turut menurunkan harga minyak tanah dan tepung gandum mulai dari tarikh-tarikh penguatkuasaan yang dinyatakan itu.

Bagi 9 barang keperluan yang dinyatakan di atas, kajian harga dibuat secara berkala, sama ada setiap bulan iaitu bagi barang-barang petroleum, setiap 6 bulan atau setiap tahun. Kajian dibuat meliputi ulangkaji kos pengeluaran yang termasuk kos bahan mentah, kos bahan pembungkus, kos buruh, kos operasi, kos kewangan dan pengedaran serta margin dan komisyen kepada pengeluar dan pengedar.

Selain daripada itu, kadar pertukaran matawang asing dan kadar perkapalan adalah juga diambilkira. Kajian yang dibuat boleh menunjukkan kenaikan kos atau sebaliknya dan dengan itu perubahan harga berlaku jika difikirkan wajar. Walau bagaimanapun, bagi barang-barang keperluan ini, Kerajaan sentiasa menentukan bahawa harga runcitnya adalah berpatutan bagi kepentingan pengguna di samping memberi pulangan balik yang munasabah kepada pengeluar supaya bekalan adalah sentiasa mencukupi.

KEMALANGAN JALAN RAYA

3. Tuan David Yeoh Eng Hock minta Menteri Pengangkutan menyatakan:-

- (a) kawasan-kawasan di mana kemalangan jalan raya khasnya kemalangan kritikal yang mengakibatkan kematian seringkali berlaku di negara ini;
- (b) langkah-langkah yang akan diambil atau telah diambil oleh Kementerian untuk menyemai sikap kesedaran di kalangan orang ramai mengenai langkah-langkah mencegah kemalangan jalan raya demi mengelakkan berulangnya kemalangan jalan raya; dan
- (c) sebab-sebab utama yang mengakibatkan Malaysia dianggap sebagai sebuah negara yang mempunyai kadar kemalangan yang terbesar sekali di dunia.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajah Zaleha binti

Ismail]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Terdapat enam kawasan di negara ini di mana kemalangan jalan raya khasnya kemalangan kritikal yang menyebabkan kematian sering berlaku. Kawasan-kawasan tersebut telah:-
 - (i) di Jalan Air Hitam-Batu Pahat, Kilometer 117 hingga 129 di Johor;
 - (ii) di Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak, Kilometer km 30 hingga 34 di Selangor.

- (iii) di Jalan Pontian-Batu Pahat, Kilometer 115 hingga 120 di Johor
 - (iv) di Jalan Kuala Terengganu-Kota Bharu, Kilometer 3 hingga 12 di Terengganu;
 - (v) di Jalan Bachang-Malim, Kilometer 1 hingga 5 di Melaka;
 - (vi) di Jalan Ipoh-Kuala Lumpur, Kilometer 34 hingga 41 di Perak.
- (b) Kerajaan telah dan sedang mempergiatkan usahanya untuk melahirkan golongan pemandu yang lebih bertimbang rasa, bersopan, berdisiplin dan sentiasa mengutamakan keselamatan melalui pelaksanaan aktiviti-aktiviti berikut:-
- (i) pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Memandu yang menekankan unsur-unsur pemanduan berhemat atau, dengan izin, defensive driving.
 - (ii) menguatkuasakan Undang-undang Lalulintas Jalan dengan lebih ketat oleh agensi-agensinya seperti Jabatan Pengangkutan Jalan dan Polis Di-Raja Malaysia, terutama bagi kesalahan-kesalahan lalulintas yang mungkin akan menyebabkan kematian;
 - (iii) mempergiatkan lagi kempen-kempen keselamatan jalanraya meliputi semua kumpulan sasaran bagi

- mempertingkatkan tahap kesedaran di kalangan pengguna-pengguna jalan raya. Selain daripada kempen-kempen yang diadakan pada musim-musim perayaan, kempen-kempen berbentuk 'multi-media, dengan izin, juga dilaksanakan. Kempen ini meliputi akhbar-akhbar, televisyen, radio, poster dan bumbung teksi atau "taxi top' dengan izin, serta "billboards", dengan izin;
- (iv) menerapkan pendidikan keselamatan jalan raya di kalangan kanak-kanak sekolah rendah dan pra-sekolah melalui aktiviti ko-kurikulum Pendidikan Keselamatan Jalan Raya; dan
- (v) mengadakan ceramah-ceramah keselamatan jalan raya khususnya kepada pemandu-pemandu kenderaan perkhidmatan awam dari pemandu-pemandu kenderaan perdagangan.
- (c) Adalah tidak benar jika dikatakan bahawa Malaysia dianggap sebagai salah sebuah negara yang mempunyai kadar kemalangan yang terbesar sekali di dunia. Tetapi adalah benar jika dikatakan bahawa kadar kemalangan di negara ini adalah agak tinggi berbanding dengan beberapa negara lain. Umpamanya, kadar kematian akibat daripada kemalangan jalan raya bagi setiap 10,000 kenderaan di Malaysia pada tahun 1986 ialah 7.91% manakala kadar ini ialah 1.87% bagi negeri Jepun, 2.31% bagi United Kingdom, 2.98% bagi Australia, 5.54% bagi Thailand, 9.23% bagi Philipina dan 61.45% - India. Itulah dia perbandingan - perbandingan, Tuan Yang di-Pertua.

Puan Hajah Rosnah binti Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu yang mengatakan 6 kawasan kritikal telah dikenalpasti. Adakah apa-apa papan tanda memberi amaran kepada pemandu supaya berhati-hati di kawasan-kawasan tersebut?

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya papan-papan tanda ini telah ada di mana-mana terutamanya papan tanda menunjukkan had laju.

Pada pendapat saya sekiranya semua pemandu mematuhi had laju dan bersabar sedikit sementara menunggu kenderaan-kenderaan lain berlepas, tidak segera hendak memotong di tempat-tempat merbahaya, rasa saya kemalangan dapat dikurangkan. Sebab kita tahu dari analisa angka-angka kemalangan, 94 daripada kemalangan berlaku disebabkan oleh kecuaiannya pemandu-pemandu.

Tuan Haji Ahmad bin Haji Abdullah: Soalan tambahan. Semua tempat-tempat yang disebut oleh Timbalan Menteri yang berkenaan tadi ialah selekoh. Kenapakah tidak selekoh itu diuruskan.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya di bawah Majlis Keselamatan Jalan Raya kita mempunyai tiga jawatankuasa. Salah satu jawatankuasa yang ada menjalankan tugasnya ialah jawatankuasa kejuruteraan yang meneliti dan mengkaji semua tempat-tempat yang dikatakan "black spot", dengan izin, iaitu kawasan-kawasan hitam yang telah dikenalpasti sebanyak 200 di negara ini. Dan usaha-usaha memang sedang dijalankan dengan pinjaman daripada Bank Dunia. Kita sedang menjalankan atau memperbaiki "road engineering", dengan izin, supaya di mana sahaja tempat yang merbahaya dari segi engineeringnya akan diperbetulkan

Puan Law Jack Yoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kemalangan jalan raya yang berlaku diakibatkan oleh pemandu-pemandu yang sedang menggunakan telefon tangan atau merokok atau menyalakan rokok semasa di dalam kereta yang bukan automatik?

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yaug di-Pertua, saya tidak dapat menyatakan berapa peratus tetapi memanglah di antara kemalangan-kemalangan yang berlaku itu disebabkan oleh kecuaiian manusia iaitu 94% daripadanya. Dan ini termasuklah perkara-perkara mengguna telefon, memegang steering satu tangan sahaja dan sebagainya.

NELAYAN PANTAI

4. **Puan Hajah Habidah binti Jusoh** minta Menteri Pertanian menyatakan:-

- (a) apakah usaha-usaha Kerajaan dalam menjaga nelayan-nelayan pantai daripada dikongkong oleh nelayan-nelayan pukot harimau, sama ada yang dimiliki oleh nelayan tempatan mahupun nelayan-nelayan asing; dan
- (b) tidakkah Kerajaan bercadang membanyakkan lagi tukun-tukun tiruan di Laut Terengganu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, rerdapar beberapa usaha yang dijalankan oieh Kerajaan bagi menjaga kepentingan nelayan pantai daripada dikongkong oleh nelayan pukot tunda.

Di antara usaha-usaha yang dijalankan ialah:-

- (i) mengkhaskan perairan 5 batu nautika dari pantai kepada nelayan tradisional. Nelayan pukot tunda tidak dibenarkan beroperasi di kawasan tersebut;

- (ii) meningkatkan rondaan bagi memastikan kawasan kurang dari 5 batu nautika tidak dicerobohi oleh nelayan pukot tunda; dan
 - (iii) menambahkan pembinaan tukun tiruan di perairan kurang dari 5 batu nautika bagi memperbanyakkan sumber ikan di kawasan tersebut.
- (b) Pada masa ini terdapat sebanyak 12 tapak tukun tiruan tayar, 4 tapak tukun tiruan bot dan 2 tapak tukun tiruan konkrit dibina di perairan Terengganu. Di dalam Rancangan Malaysia Kelima sejumlah \$6.745 juta telah diperuntukkan bagi projek tukun tiruan dan bagi negeri Terengganu sahaja sejumlah \$1.728 juta telah dibelanjakan bagi projek tukun tiruan.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah tindakan lebih keras diambil oleh pihak Kerajaan terhadap tuan-tuan punya pukot tunda ini, umpamanya menggantung lesen mereka supaya dia tidak lagi melakukan kesalahan seumpama ini?

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, tindakan penguatkuasaan telah dijalankan oleh pihak Kementerian dan tindakan-tindakan telah diambil umpamanya tindakan merampas dan membatalkan lesen pukot tunda amat berkesan dan ekoran daripada tindakan berikut kita dapati masalah ini adalah terkawal.

KETERANGAN DI MAHKAMAH

5. Tuan Abdul Rashid bin Ismail minta Perdana Menteri menyatakan apakah Kemeriterian sedar bahawa cadangan untuk meminda Seksyen 133A Akta Keterangan 1956 yang mana peruntukan seksyen ini membenarkan seorang yang di bawah umur yang tidak mengangkat sumpah untuk memberi keterangan di Mahkamah boleh mendatangkan kesan buruk terhadap kanak-kanak.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedang mengkaji keperluan untuk meminda seksyen 133A Akta Keterangan 1956 mengenai keterangan seorang kanak-kanak yang masih muda. Setakat ini Kerajaan belum lagi membuat keputusan dalam perkara ini.

KOPERASI YANG DIDAFTARKAN

6. **Tuan Haji Ahmad bin Haji Abdullah** minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan bilangan koperasi yang didaftarkan di negara ini dan berapa jumlah yang telah dibubarkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi [Tuan Mohd. Noh bin Rajab]: Tuan Yang di-Pertua, jumlah koperasi yang telah didaftarkan di negara itu dari tahun 1922 sehingga 30hb Jun 1991 telah sebanyak 7,892. Sebanyak 2,902 buah koperasi telah dibubarkan.

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Tuan Yang di-Pertua, doalan tambahan. Soalan ini ada kaitan dengan jawapan yang kedua iaitu apakah masih ada halangan-halangan sama ada regulatory atau sekatan-sekatan lain yang menyebabkan badan-badan koperasi masih tidak berkesan dan untung operasinya sehingga dibubarkan.

Tuan Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Yang di-Pertua, berbagai sebab mengapa koperasi-koperasi dibubarkan. Di antaranya ialah kerana ahli-ahlinya telah hilang keinginan untuk meneruskan koperasi atau tidak ada kegiatan langsung yang dilakukan oleh koperasi. Tetapi sebelum sesebuah koperasi itu dibubarkan usaha dibuat untuk memulihkan koperasi itu supaya bergerak dengan jayanya.

NAMA TAMAN PERUMAHAN DI KUALA LUMPUR

7. **Tuan Azman Attar bin Othman** minta Perdana Menteri menyatakan Pembangunan Bandaraya dengan pesat, terdapat bangunan kondominium di sana sini di Kuala Lumpur.

- (a) mengapa nama-nama kondominium ini tidak dipastikan oleh Datuk Bandar; supaya ianya melambangkan ciri-ciri nama Malaysia tidak dengan sewenangnya;
- (b) adakah Datuk Bandar berkuasa di atas menentukan nama-nama bangunan; dan
- (c) kalau tidak, adakah Kerajaan akan membuat pindaan undang-undang untuk memberi kuasa kepada Datuk Bandar.

Timbalan Menteri di Jabatan Menteri [Dato' Dr.

Suleiman bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ada menubuhkan Jawatankuasa bagi meneliti dan meluluskan nama-nama taman perumahan dan bangunan perdagangan termasuklah nama-nama kondominium.

Pihak pemaju dikehendaki mencadangkan nama-nama bagi projek mereka dan Jawatankuasa ini akan meneliti cadangan berkenaan. Di masa-masa yang lepas memandangkan jumlah projek yang diterima adalah banyak, jadi kebanyakan nama yang dicadangkan oleh pemaju telah diluluskan.

Memandangkan perkara ini telah menimbulkan kontroversi di kalangan orang ramai, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sedang berusaha untuk menukarkan nama-nama bangunan dan tempat yang tidak melambangkan identiti nasional kepada nama yang bercorak tempatan, dengan melaksanakan satu prosedur baru di mana idnng/m nama - bagi semua taman atau bangunan semasa permohonan perancangan hendaklah mendapatkan kelulusan Perintah Pembangunan daripada DBKL terlebih dahulu.

Mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976, Datuk Bandar tidak mempunyai kuasa untuk menentukan nama-nama bangunan. Pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur hanya menentukan nama-nama bangunan secara pentadbiran, administrative, dengan izin, iaitu dengan cara menubuhkan Jawatankuasa bagi meluluskan nama-nama bangunan tersebut.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur juga sedang mengkaji untuk menggubal undang-undang kecil bagi mengadakan peraturan yang jelas tentang nama-nama bangunan dan kawasan awam yang bercorak tempatan/nasional dan memastikan tidak ditukar selepas diluluskan.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, pertama saya hendak mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Suleiman di atas daya usaha beliau semasa Ma'al Hijrah atau menghimpunkan lebih 5,000 wargakota, iaitu satu kejayaan yang baik dan satu permulaan yang baik ke arah pendidikan kerohanian.

Soalan tambahan saya, siapakah yang duduk dalam jawatankuasa Penanaman Taman-taman Perumahan ini dan siapakah yang melantik mereka itu?

Dato' Dr . Suleiman bin Mohamed : Tuan Yang di-Pertua perlintakan Jawatankuasa ini dilihat oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur

sendiri dan mereka yang dilantik adalah di kalangan Lembaga Penasihat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, pakar-pakar pihak swasta di luar dan juga daripada Jabatan Perancangan Kuala Lumpur.

Tuan Azman Attar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana

dibentuk untuk menentukan nama-nama kondominium ini. Saya ingin tahu bilakah masanya akan dapat diatasi untuk menukar nama-nama itu,

Kedua, sedar atau tidak bahawa Yang Berhormat selaku Timbalan Menteri diberikan tanggungjawab untuk mentadbir Bandaraya tetapi apa juga masalah yang terdapat di Bandaraya, Datuk Bandar yang bertanggungjawab tetapi yang menjawab di Dewan ini ialah Dato' sebagai Timbalan Menteri. Pernah atau tidak Dato' sebagai Timbalan Menteri selepas apa sahaja jawapan yang dibuat di dalam Dewan ini memanggil Datuk Bandar, beritahu pada dia bahawa ada lagi orang yang di atas dia, bukan dia yang besar. Cuma saya hendak tanya Dato' ada atau tidak Dato' pernah memanggil Datuk Bandar beritahu pada dia yang dia itu adalah di bawah Dato' sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. **[Ketawa]**

Dato' Dr. Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas soalan tersebut.

Pertama yang menjadi Menteri Wilayah sebenarnya ialah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan dari masa ke semasa terutama sekali pada hari Rabu kita sentiasa berbincang dalam Post-Cabinet dan di dalam perbincangan sama ada Post-Cabinet atau lain-lain perbincangan, Yang Amat Berhormat Menteri Wilayah Perdana Menteri sentiasa mengadakan perbincangan dan perundingan

antara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bahagian Kemajuan Wilayah dan jabatan-jabatan yang berkaitan dengan pembangunan Kuala Lumpur. Pada ketika ini oleh kerana pembangunan komprehensif yang menuntut dan menghendaki satu pembangunan yang kian pesat dan meningkat, maka Jawatankuasa Kabinet bagi Pembangunan Kuala Lumpur telah di tubuhkan dan Jawatankuasa Kabinet bagi Pembangunan Kuala Lumpur ini dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan tidak seperti yang lalu di mana segala perancangan pmbaagunan dibuat oleh Datuk Bandaraya sendiri.

Dengan Jawatankuasa Kabinet bagi Pembangunan Kuala Lumpur yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan beberapa orang Menteri ini, ini menandakan bahawa terdapat satu keperluan yang terdesak untuk meneliti dari segi pembangunan Kuala Lumpur yang derafnya begitu pesat. Di antara Datuk Bandar dan saya, terdapat jugalah perbincangan dari masa ke semasa dan kalau keadaan memerlukan beliau terpaksa datang consult, dengan izin, dengan bahagian Kemajuan Wilayah terutamanya dengan saya. Terima kasih.

AKTA KELAB LUMBA KUDA (AMBILTAGAN AWAM) 1965 - KAWALAN

8. **Tuan Foo Boon Liang** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah bentuk jaminan yang Kementeriaannya akan memberi supaya Rang Undang-undang Akta Kelab Lumba Kuda (Ambiltangan Awam) 1965 yang baru sahaja diluluskan di Dewan Rakyat tidak merisau atau menghapuskan rakyat bahawa ia benar-benar bertujuan mengawal atau menghapuskan perjudian di negara kita.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Loke Yuen Yow]: Tuan Yang Di-Pertua, saya ingin memberi jaminan di sini bahawa perluasan

Undang-undang Akta Kelab Lumba Kuda (Ambiltagan Awam) 1965 ke Sabah Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan adalah bertujuan untuk mengseragamkan bagi seluruh negara kawalan ke atas penjualan bateri Sweepstake kepada orang ramai. Ianya tidak ada tujuan-tujuan lain.

Pada masa ini penjualan loteri Sweepstake di Semenanjung, Sabah dan Sarawak adalah dikawal oleh undang-undang yang berlainan iaitu Akta Lumba Kuda (Ambiltagan Awam) 1965 bagi negeri-negeri di Semenanjung, Gaming Ordinance 1930 bagi negeri Sabah termasuk Wilayah Persekutuan Labuan dan Gambling Ordinance 1957 bagi negeri Sarawak.. Dengan perluasan Akta Lumba Kuda (Ambitangan Awam) 1965 ke seluruh negara berserta dengan tindakan yang sedang diambil untuk memanjangkan pemakaian lain-lain akta perjudian di Semenanjung ke seluruh negara, aktiviti-aktiviti penjualan loteri Sweepstake dan juga lain-lain aktiviti perjudian akan dikawal di bawah undang-undang yang sama. Dengan demikian, kawalan ke atas semua bentuk aktiviti perjudian dapat dilakukan dengan lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang ini di negeri Sabah aktiviti perjudian dijalankan pada tiap-tiap hari. Ini disebabkan Kerajaan Negeri Sabah di bawah kuasa yang diberikan dalam Undang-undang Perjudian yang berkuatkuasa di Sabah sekarang ini iaitu Gaming Ordinance (Cap. 50) 1930 telah mengeluarkan lesen-lesen untuk menganjurkan pertaruhan Empat Nombor Ekor, pertaruhan Loto dan pertaruhan Lumba Kuda.

Adalah diperhatikan di negeri Sabah cabutan-cabutan pertaruhan diadakan tiap-tiap hari . Pada hari Selasa dan Jumaat terdapat dan cabutan diadakan. Pada hari-hari lain pula satu cabutan diadakan tiap-tiap hari. Di samping itu, pada hari Rabu, Sabtu dan Ahad, Sabah juga menganjurkan pertaruhan Lumba Kuda. Cabutan pertaruhan ini adalah tambahan kepada cabutan perumahan TOTO dan Empat Nombor Ekor yang dilesenkan oleh Kerajaan Perumahan .

Tuan Yang di-Pertua, bagi negeri Sarawak, Kerajaan Persekutuan sedar bahawa Kerajaan Negeri telah membuat dan melaksanakan dasar bagi menamatkan semua aktiviti perjudian yang di lesenkan oleh Kerajaan Negeri. Di sini Kerajaan Sarawak telah mengambil tindakan yang tegas dan berani dan Kerajaan Persekutuan mengalu-alukan keputusan tersebut. Dalam hal ini saya ingin memaklumkan Ahli-ahli Yang Berhormat baliau Kerajaan Persekutuan menghormati keputusan Kerajaan Negeri untuk memberhentikan semua aktiviti perjudian di Sarawak, dan telahpun membuat keputusan bahawa di atas permintaan

Kerajaan Negeri Sarawak, Kerajaan Persekutuan tidak akan membaharui lesen agensi Sports TOTO dan lesen agensi Magmun bagi pertaruhan 4D di negeri Sarawak apabila lesen-lesen berkenaan tamat tempohnya pada akhir tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menegaskan bahawa dengan perluasan Akta Lumba Kuda ini ke Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan, Loteri Sweepstakes tidak boleh dianjurkan di mana-mana negeri tanpa persetujuan Kerajaan Negeri berkenaan terlebih dahulu. Ini disebabkan setiap perniagaan termasuk aktiviti perjudian mestilah mendapat lesen perniagaan atau lesen premis yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri. Jika Kerajaan Negeri tidak meluluskan lesen itu, maka tiada apa-apa perniagaan, termasuk perjudian, boleh dijalankan.

Saya juga ingin memberi jaminan bahawa lesen-lesen baru bagi apa-apa jenis aktiviti perjudian tidak akan dikeluarkan lagi. Khususnya saya juga ingin memberi jaminan bahawa loteri Sweepstakes yang sedang beroperasi di Semenanjung tidak akan dibenar dijual di Sabah dan Sarawak dan begitu juga sebaliknya Loteri. Sweepstakes yang sedang dijual di Sabah dan Sarawak itu tidak akan dibenarkan untuk dijual di Semenanjung. Dengan demikian perluasan Akta Lumba Kuda (Ambiltagan Awam) 1965 tidak akan menambah kegiatan perjudian di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, semua butir berkenaan Rang Undang-undang ini telahpun diberikan bila Rang Undang-undang berkenaan dibahaskan dalam Dewan ini baru-baru ini, maka tidak payahlah bertanya apa-apa soalan tambahan lagi. Ada soalan dari sebelah sana? Ya.

Tuan Azman Atar bin Othman: Saya Faham, Tuan Yang di-Pertua. Cuma saya hendak bertanya sedikit sahaja kepada Yaug Berhormat. Oleh kerana dia memberitahu bahawa Kerajaan Negeri Sabah jadi begitu berleluasa - setiap hari ada cabutan - adakah semenjak Kerajaan PBS ini ataupun daripada dahulu lagi sudah ada? Satu.

Yang kedua, tadi Yang Berhormat ada sebut hendak minta kebenaran judi mesti rinta lesen. Bagaimana di negeri Kelantan bila tiap-tiap malam Tahun Baru China dibenarkan berjudi selama dua hari, itu juga perlu lesen ataupun boleh dengan begitu sahaja?

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan tambahan yang pertama, lesen-lesen yang ada di Sabah itu, yang telah dikeluarkan oleh negeri Sabah adalah dikeluarkan oleh Kerajaan yang dahulu, bukan PBS. Kemungkinan PBS pun ada mengeluarkan sebahagianlah lesen-lesen baru. Saya tak pasti dan itu kita kena check dahulu.

Bagi menjawab soalan tambahan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya anggap itu cara politik PAS di negeri Kelantan. Permit yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Kelantan untuk aktiviti perjudian pada masa Tahun Baru China itu tidak memerlukan permit yang 'special' atau khas, saya tidak ingin menjawab perkara ini di sini bagi pihak parti PAS.

PADANG TERBANG PANGKOR - PEMBINAAN

9. **Tuan Mohamad Wajdi bin Dato' Haji Ishak** minta Menteri Pengangkutan menyatakan;

- (a) kos pembinaan landasan kapal terbang di Teluk Dalam, Pulau Pangkor, Perak dan jenis kapal terbang yang dicadang untuk mendarat di tempat itu; dan

- (b) adakah pihak Kerajaan bercadang untuk meneruskan pembinaan Lapangan terbang di Sitiawan, Perak. Kalau ya, nyatakan jumlah kosnya dan bila ianya dijangka dapat digunakan.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) peruntukan yang telah diluluskan untuk membina padang terbang di Pulau Pangkor adalah sebanyak \$6 juta. Apabila siap kelak, padang terbang Pangkor ini boleh mengendalikan pendaratan pesawat jenis Twin Otter yang boleh membawa 17 orang penumpang.
- (b) projek membina Lapangan Terbang di Sitiawan yang telah dimulakan pada bulan Ogos 1990 akan diteruskan. Projek ini dilaksanakan oleh Kementerian Pertahanan melalui Rajimen Askar Jurutera dengan kos pembinaan diperuntukkan sebanyak \$2.5 juta, projek ini dijangka siap pada penghujung tahun 1992.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr Nordin bin Selat.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 10.

PERNAS - SYARIKAT USAHASAMA

10. **Tuan C. Krishnan [di bawah S.O. 23(2)]** minta Perdana Menteri menyatakan bilangan syarikat usahasama PERNAS dengan syarikat-syarikat luar negeri. Apakah syarikat-syarikat itu dan usianya. Apakah sudah berlaku dengan jayanya perpindahan teknologi. Bagaimanakah kedudukan bumiputera dalam syarikat-syarikat ini terutamanya dalam jawatan tinggi. Harap dapat penjelasan terperinci.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato Wong See Wah]: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini PERNAS memiliki empat buah syarikat usahasama dengan syarikat-syarikat luar negeri seperti berikut:

- (i) Malayawata Steel (M) Berhad: usahasama dengan Nippon Steel Corporation (Jepun) yang ditubuhkan pada tahun 1996 iaitu berusia 25 tahun;
- (ii) PERNAS-OTIS Elevator Sdn. Bhd.: usahasama dengan OTIS Elevator Incorporated (U.S.A) yang ditubuhkan pada tahun 1974 iaitu berusia 17 tahun;
- (iii) PERNAS-OLIVETTI Information System Sdn. Bhd. usahasama dengan OLIVETTI Incorporated (Italy) yang ditubuhkan pada tahun 1988 iaitu berusia 3 tahun;
- (iv) PERNAS-OUE Sdn., Bhd.: usahasama dengan Overseas Union Enterprise (Singapura) yang ditubuhkan pada tahun 1983 iaitu berusia 8 tahun.

Proses pemindahan teknologi dari rakan kongsi asing kepada PERNAS di dalam syarikat-syarikat usahasama ini dilaksanakan melalui latihan dan penyerapan kepakaran kepada eksekutif-eksekutif tempatan di dalam syarikat berkenaan.

Di dalam bidang pengurusan projek pembinaan dan bidang perhotelan umpamanya di mana PERNAS berurusan dengan Overseas Union Enterprise dari Singapura pegawai-pegawai tempatan telah berupaya menguasai kemahiran mengendalikan pembinaan mengikut jadual yang terhad.

Di dalam bidang pengurusan hotel, eksekutif-eksekutif tempatan termasuk bumiputera kini mengisi jawatan-jawatan tinggi seperti Ketua Bahagian dan Timbalan Pengurus Besar.

Di dalam bidang perindustrian besi dan keluli, Syarikat Malaywata Steel Malaysia Berhad telah diuruskan sepenuhnya oleh pekerja tempatan semenjak tahun 1983, Kemahiran yang telah dapat dikuasai oleh pekerja tempatan ini adalah termasuk operasi pengeluaran, pemasaran besi dan keluli yang bermutu tinggi serta pengurusan kewangan.

Bagi usahasama di bidang pembekalan mesin angkat dan sistem maklumat, PERNAS telah dapat menguasai sistem perniagaan di kedua-dua syarikat yang berkenaan. PERNAS sentiasa memastikan bahawa pengurusan syarikat-syarikat usahasama ini mengekal dan meningkatkan pengambilan pekerja tempatan di setiap tingkat perjawatan dalam syarikat-syarikat usahasama yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Frankie Choong Yu Chee .

[Soalan No. 11 Y.B. Tuan Frankie Chong Yu Chee tidak hadir]

GAGASAN KERJASAMA EKONOMI DUNIA ISLAM

12. **Puan Kalthom binti Haji Othman** minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah Kerajaan Malaysia bersedia menimbangkan saranan anggota Dewan Rakyat dari Marang supaya langkah-langkah di ambil bagi mewujudkan Gagasan Kerjasama Ekonomi Dunia Islam atau Muslim World Economic Cooperation yang terdiri dari negara-negara umat Islam di sekeliling Lautan Hindi iaitu Brunei Darulssalam, Bangladesh, Indonesia, Malaysia, Pakistan, Republik Kepulauan Maldives, Afghanistan pimpinan Mujahidin, Iran dan Sudan. Sila beri alasan sama ada ia dipersetujui atau tidak.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan]: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Dewnn yang mulia ini sedia maklum, Malaysia adalah sebuah negara pengasas pada Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di mana Almarhum Tunku Abdul Rahman merupakan Setiausaha Agung yang pertama.

Semenjak menjadi ahli OTC, Malaysia sentiasa menekankan bahawa salah satu cara bagi mengukuhkan perpaduan Islam adalah melalui kerjasama ekonomi yang teguh di kalangan negara-negara Islam.

Mengenai saraaan anggota Dewan Rakyat dari Marang supaya langkah-langkah diambil bagi mewujudkan Gagasan Kerjasama Ekonomi Dunia Islam atau, dengan izin, Muslim World Economic Corporation, Malaysia merasakan yang Gagasan ini tidak hanya meliputi negara-negara islam di Lautan Hindi sahaja sepertimana yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat yang berkenaan, tetapi ianya juga patut merangkumi kesemua negara-negara Islam.

Pada kenyataannya, Malaysia sememangnya mengalu-alukan kerjasama sedemikian walaupun ianya akan hanya terhad kepada beberapa buah negara seperti yang dinyatakan iaitu Brunei Darussalarn, Bangladesh, Indonesia, Malaysia, Pakistan, Republik Kepulauan Maldives, Afghanistan pimpinan Mujahidin, Iran dan Sudan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, **pandangan-** pandangan sedemikian memang ada diperkatakan dari masa ke semasa, tetapi sehingga kini belum ada lagi cadangan yang kukuh ataupun konkrit mengenai Gagasan tersebut.

Walau bagaimanapun, Malaysia sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum sentiasa meningkatkan usaha untuk memperkukuhkan hubungan ekonomi kita dengan kesemua negara-negara Islam.

Tuan Azman Atar bin Othman: Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat kalau pun satu ketika nanti bila Kerajaan mencadangkan supaya diadakan satu dasar untuk menguatkan ekonomi negara-negara Islam seluruh dunia, adakah dasar ini bererti pandangan daripada Yang Berhormat Wakil dari Marang ataupun daripada Kerajaan sendiri? Kalau daripada Yang Berhormat Wakil dari Marang, tidak perlulah Yang Berhormat jawab dengan panjang.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini melanggar Peraturan Mesyuarat 22(b). [Ketawa]

GURU BESAR - SKIM PERKHIDMATAN BARU

13. **Tuan K. Munisamy** minta Menteri Pendidikan menyatakan:-

- (a) apakah sebabnya segolongan guru besar C5-1 tidak dimasukkan ke dalam gaji 2 skim pendidikan;
- (b) kenapakah mereka tidak diberi elaun khas \$60.00 seperti guru-guru besar yang lain walaupun mereka menjalankan tugas yang sama; dan
- (c) adakah Kerajaan bercadang menurunkan jawatan mereka dan menjadikan mereka sebagai guru biasa.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dr Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, untuk jawapan -

- (a) Kerajaan telah membuat keputusan hanya Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Kategori D1, T1, T2, T3, C1 dan C2 yang telah dilantik tetap pada atau sebelum 1hb

Januari 1989 sahaja yang diberi rawatan ke dalam skim perkhidmatan haru Pegawai Perkhidmatan Pendidikan. Untuk makluman Yang Berhormat, Guru-guru Besar yang dimaksudkan itu adalah terdiri dari rneraka yang di letak dalam kategori gaji CS-1 secara khas untuk penyandang. Kategori hakiki mereka ialah Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Kategori BI lama. Dengan itu, mereka tidak diberi tawaran ke dalam skim baru tersebut. Walau bagaimanapun, mereka layak di per-
 timbangkan memasuki skim baru tersebut dengan syarat telah lulus Kursus Khas 12 minggu atau mempunyai kepujian Bahasa Malaysia di peringkat. Sijil Pelajaran Malaysia.

(b) Pegawai Perkhidmatan Pendidikan dalam skel gaji C5-1 yang menyandang jawatan Guru Besar adalah tidak di -
 beri tawaran pertukaran tetap perkhidmatan ke dalam Skim Perkhidmatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Bukan Siswazah dan dengan itu mereka tidak dibayar Elaun Khas \$60.00 sebulan.

(c) Seberapa yang boleh Kerajaan akan mengekalkan taraf mereka sebagai Guru Besar, melainkan dalam keadaan bila mereka diambil tindakan tatatertib, mereka akan diturunkan taraf sebagai guru biasa.

EKSPORT PRODUK AYAMITIK KE SLNGAPURA

14. **Tuan Ng Peng Hay** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa "Primary Production Department" Singapura sedang melaksanakan satu skim menentukan mata (accreditation scheme) terhadap hasil ternakan-ternakan seperti telur, ayam hidup sebelum dieksport ke Singapura. Apakah langkah yang akan diambil oleh Kementerian Pertanian untuk menghalang skim tersebut supaya hasil eksport dan kehidupan penternakan-penternakan ayam kita tidak dipengaruhi.

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian sedar bahawa Jabatan Pengeluaran Utama (Primary Production Department) Singapura bercadang untuk melaksanakan skim pengiktirafan, dengan izin, accreditation scheme, bagi ladang-ladang yang mengeksport petunjuk ayamitik ke Singapura.

Kementerian Pertanian melalui Jabatan Perkhidmatan Haiwan telahpun mengadakan mesyuarat peringkat awal dengan Jabatan Pengeluaran Utama Singapura pada 22hb Mei, 1991 yang lalu.

Mesyuarat peringkat kedua dengan pihak Singapura akan diadakan pada 5hb Ogos ini. Kementerian Pertanian akan berusaha menentukan semua hasil eksport negara kita dan kehidupan penternak-penternak tempatan tidak terganggu.

KONTRAKTOR TURNKEY

15. **Tuan Haji Abdul Salam bin Awang** minta Perdana Menteri menyatakan selain daripada projek-projek penswastaan, pihak Kerajaan juga sedang melaksanakan projek turnkey yang setengahnya sedang dilaksanakan, misalnya projek Hydro dan Pergau, Kelantan;

- (a) apakah syarat-syarat yang Kerajaan kenakan kepada kontraktur turnkey ini dan nyatakan bagaimanakah kontraktor bumiputera boleh menyertai sama dalam pelaksanaan projek ini; dan
- (b) berapakah lagi projek-projek turnkey yang Kerajaan rancang untuk dilaksanakan dalam tempoh tiga hingga lima tahun akan datang dan apakah jenis projek berkenaan dan di negeri manakah projek ini akan dilaksanakan.

Timbalan Menteri di-Jabatan Perdana Menteri [Dato Wong See Wah]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Semua kontraktor turnkey sama ada kontraktor tempatan atau luar negeri yang mendapat kontrak Kerajaan disyaratkan supaya mengagihkan sekurang-kurangnya 30% daripada nilai kontrak untuk dilaksanakan oleh kontraktor dan pertubuhan bumiputera tempatan. Di samping itu, kontraktor turnkey pada lazimnya disyaratkan memaksimumkan penggunaan bahan-bahan keluaran tempatan dan berusaha memindahkan teknologi, umpamanya pendedahan dalam teknik pembinaan dan pengurusan moden dan juga kursus-kursus, seminar-seminar serta latihan sama ada di tempat kerja ataupun sebagainya.
- (b) Senarai projek-projek turnkey yang akan dilaksanakan dalam 3 hingga 5 tahun akan datang ini tidak dapat ditentukan pada masa kini. Penentuan sama ada satu-satu projek dilaksanakan secara turnkey atau conventional atau lain-lain cara adalah bergantung kepada merit dan matlamat pelaksanaan projek-projek berkenaan. Kerajaan hanya akan membuat keputusan untuk melaksanakan projek secara turnkey setelah berpuas hati dengan syarat tersebut. Projek-projek penting boleh disiapkan lebih cepat dan membolehkan rakyat dan negara menikmati manfaat pelaksanaan projek lebih awal berbanding dengan pelaksanaan projek secara conventional. Ini adalah disebabkan pada umumnya kontrak secara turnkey adalah lebih mahal.

Puan Hajah Rogayah binti Che Mat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapa buah syarikat dari negeri Kelantan sendiri yang terlibat dan namakan syarikat-syarikat tersebut.

Dato' Wong See Wah: Saya minta oleh kerana soalan ini tidak berapa jelas, saya minta supaya dapat diulangi.

Puan Hajah Rogayah binti Che Mat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapa buah syarikat yang terlibat dengan pelaksanaan projek. di Pergau dan namakan syarikat-syarikat yang terlibat?

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, kalau maksudnya adalah syarikat-syarikat yang telah mengambil bahagian dalam projek-projek turnkey itu adalah banyak, tetapi bagi tahun 1991 projek-projek yang telah dapat ditentukan dan akan dilaksanakan secara turnkey adalah 10.

Puan Hajah Rogayah binti Che Mat: Tuan Yang di-Pertua, maksud saya projek yang terlibat di negeri. Kelantan iaitu projek turnkey Pergau.

Dato' Wong See Wah: Antara satu daripadaaya?

Puan Hajah Rogayah binti Che Mat: Khusus di Pergau, Kelantan.

Dato' Wong See Wah: Pergau sahajalah . Itulah satu projek.

TANDA ARAH JALAN

16. Tuan Dahalan bin Haji Embun minta Menteri Kerja Raya menyatakan bahawa didapati banyak sekali 'signboards' jalan raya yang 'misleading' lebih-lebih lagi yang menuntukkan arah jalan . Mengapakah pihak Kementerian tidak mengkaji kesesuaian penggunaan 'signboards' tersebut.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Tuan Kerk Choo Ting]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat , dasar umum mengenai tanda jalan adalah berpandukan kepada standard antarabangsa. Negara kita juga mengamalkan dasar ini . Walau bagaimanapun, sekiranya ahli Yang Berhormat boleh melaporkan kes-kes tanda jalan yang misleading itu, Kementerian Kerja Raya sentiasa boleh mengambil tindakan yang sewajarnya .

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, seperti di negara-negara Europe, adakah cadangan daripada Kementerian Kerja Raya supaya men-swastakan signboards di dalam negara ini?

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kerja Raya belum bercadang berbuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Mohd. Zain.

Puan Kalthom binti Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 17,

KERETA PREBET SAPU

17. **Puan Kalthom binti Haji Othman [di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan adalah kerajaan yang bercadang untuk membenarkan operasi kereta-kereta 'prebet sapu' meneruskan operasi mereka ke kawasan pendalaman membawa hasil-hasil pertanian mereka untuk dipasarkan ke pasar-pasar utama di bandar-bandar.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, semua kenderaan yang digunakan untuk tujuan perdagangan perlu mempunyai permit dan pada Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) iaitu satu lembaga di bawah Kementerian Perusahaan Awam. Hanya mereka yang mempunyai kenderaan barang yang amat berat dengan muatannya (BDM) tidak melebihi 2,500 kg dan kenderaan tersebut digunakan untuk mengangkat barang-barang kepunyaan sendiri sahaja di-kecualikan daripada peraturan ini.

Walau bagaimanapun, mereka hendaklah mendaftarkan kenderaan tersebut dengan Jabatan Pengangkutan Jalan sebagai kenderaan perdagangan bagi mengangkut barang-barang sendiri.

Oleh yang demikian, soal sama ada atau tidak tuan punya kenderaan prebet sapu ini boleh meneruskan operasinya adalah tidak timbul. Mereka hendaklah mendapatkan permit yang berkaitan dari JPJ.

KELUARGA TERMISKIN - BANTUAN

18. **Tuan Chong Chi Siong** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:-

- (a) berapakah keluarga termiskin yang telah menerima bantuan rancangan keluarga termiskin setakat ini ;
- (b) apakah bantuan khas selain kewangan yang Kerajaan beri kepada anak-anak keluarga termiskin ini; dan
- (c) apakah kriteria yang digunakan sebagai kayu ukur keluarga termiskin ini.

Setiausaha Parlimen, Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Dato Mohamed bin Jamrah]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sehingga akhir 1990, bilangan keluarga termiskin yang telah menerima bantuan melalui program-program di bawah sektor pertanian dan luar bandar ialah seramai 52,128.
- (b) Bantuan-bantuan khas yang melibatkan anak-anak keluarga termiskin termasuk program-program mengatasi kekurangan zat makanan , bantuan buku teks, bantuan basikal dan program makanan tambahan dan susu di sekolah-sekolah serta program makanan tambahan kepada kanak-kanak di Taman Bimbingan Kanak-kanak yang melibatkan keluarga.
- (c) Kriteria untuk menentukan keluarga termiskin adalah berasaskan pendapatan bulanan sekeluarga. Di bawah Penyiasatan Pendapatan isi rumah 1989, mereka yang tergolong sebagai keluarga termiskin ialah keluarga-keluarga yang berpendapatan \$175.00 sebulan atau kurang bagi Semenanjung dan \$267.00 sebulan atau kurang, bagi Sabah dan \$215,00 sebulan atau kurang bagi Sarawak.

Tuan Chong Chi Siong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejauh manakah kesannya sejak program ini dilaksanakan, adakah keluarga-keluarga termiskin menikmati kemajuannya atau terus kekal miskin, dan apakah caranya atau cara inikah yang paling baik untuk mengurangkan kadar keluarga termiskin selama program ini dilancarkan.

Dato' Mohamed bin Jamrah: Tuan Yaug di-Pertua, ini bukanlah satu program yang menyeluruh untuk menyelesaikan kemiskinan, kita banyak lagi program-program untuk membasmi kemiskinan seperti program di bawah Kementerian Pertanian, di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan juga Kementerian Pendidikan dan sebagainya. Misalnya di Kementerian kami, kemiskinan juga melibatkan perpindahan di rancangan-rancangan FELDA, FELCRA dan sebagainya. Ini adalah satu input untuk kita memberikan sumbangan dari segi mereka yang termiskin.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, pada pengetahuan Yang Berhormat, berapa peratuskah golongan pekerja-pekerja ladang menikmati di dalam skim ini?

Dato' Mohamed bin Jamrah: Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat memberikan butir-butir berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila ulang Yang Berhormat Tuan C. Krishnan.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, daripada rancangan keluarga termiskin ini, setakat ini berapa banyakkah ataupun berapa peraturan pekerja-pekerja ladang dapat menikmati melalui rancangan ini?

Dato' Mohamed bin Jamrah: Tuan Yang di-Pertua, banci isi rumah tahun 1989 tidak mengklasifikasikan termiskin mengikut kampung ataupun estet. Ktta mempunyai satu bilangan yang pada keseluruhannya memberitahu bahawa di negara kita, kita mempunyai 148,801 orang isi rumah yang miskin. Kita tidak ada pecahan mengikut ladang-ladang, kampung-kampung ataupun kampung-kampung baru.

LESEN TV/RADIO

19. **Dato' William Chek Lin Kwai** minta Menteri Penerangan menyatakan:-

- (a) sama ada Kerajaan sedar atautidak bahawa bayaran \$24 setahun bagi lesen televisyen dan radio sangat membebankan golongan yang miskin; dan
- (b) sama ada Kerajaan akan memansuhkan bayaran untuk lesen televisyen dan radio, selaras dengan slogan 'Memupuk Masyarakat Penyayang.'

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kutipan bayaran lesen televisyen adalah merupakan hasil negara bagi menampung sebahagian dari perbelanjaan bagi perkhidmatan penyiaran oleh RTM. Jumlah peruntukan perbelanjaan mengurus bagi jabatan tersebut bagi tahun 1991 ialah sebanyak \$150 juta. Perbelanjaan yang besar ini perlu dibuat untuk mendapatkan bahan-bahan rancangan yang menarik dan bermutu untuk dinikmati oleh rakyat. Perbelanjaan ini tidak termasuk penyeliaan dan gantian alat-alat

stesen dan juga sistem pemancaran. Hasil lesen TV bagi tahun 1991 adalah dianggarkan sebanyak \$45 juta sahaja. Kadar bayaran lesen TV setahun sekarang ialah \$24 sahaja. Ini adalah satu kadar bayaran yang paling rendah jika dibandingkan dengan kadar bayaran bagi negara-negara di rantau Asia seperti berikut:-

Singapura	-	\$111.20 setahun
Indonesia	-	\$47.50 (bergantung kepada saiz televisyen)
Jepun	-	\$125.00 setahun

Jika dihitung mengikut bulanan, kadar lesen YV hanya \$2 sebulan sahaja, dan tidaklah membebankan kepada mana-mana pihak.

- (b) Kerajaan telah memansuhkan bayaran lesen radio mulai 1.1.1991. Walau bagaimanapun, Kerajaan belum lagi bercadang untuk memansuhkan lesen televisyen di negara ini.

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya peluang bertanya. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, adakah Kerajaan bercadang pula untuk memansuhkan lesen televisyen kepada keluarga-keluarga termiskin ini?

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyatakan tidak ada rancangan bagi Kerajaan untuk memansuhkan lesen kerana adalah didapati kiranya keluarga itu terlalu miskin, tentunya ianya tidak dapat membeli televisyen.

[Ketawa] Dan kalau ia tidak dapat membeli televisyen, dia tidak terbabit dengan lesen.

MANGSA BENCANA SUNGAI BULUH

20. **Tuan Ng Peng Hay** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan berapa pekerja-pekerja yang terlibat dalam peristiwa Bencana Sungai Buluh telah dapat pampasan insuran dari PERKESO dan jumlah nilainya. Bagaimanakah PERKESO akan membantu waris-waris dan balu-balu serta keluarga simati.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' M. Mahalingam]: Tuan Yang di-Pertua, dalam kejadian di Sungai Buluh itu, PERKESO telah berusaha untuk membantu mangsa yang berdaftar di bawahnya mendapat faedah dengan cepat dan segera. Sebagai langkah ke arah itu, PERKESO tidak sekadar menunggu tuntutan di pejabatnya, tetapi telah membuka pusat pendaftaran sementara di Sungai Buluh. Langkah sedemikian telah dapat membantu mangsa-mangsa berkenaan mengetahui hak mereka dan proses tuntutan telah dapat disegerakan.

Beberapa jenis faedah yang dibayar oleh PERKESO kepada pekerja-pekerja yang terlibat dalam peristiwa bencana Sungai Buluh adalah seperti berikut:-

(1) Faedah Hilangupaya Sementara

- (a) Faedah ini dibayar kepada pekerja-pekerja yang mendapat rawatan perubatan ekoran daripada kecederaan yang dialami, dan diperakukan oleh doktor sebagai tidak boleh, bagi sementara waktu, membuat kerja yang mereka buat sebelum atau pada masa bencana itu. Kadar harian faedah ini ialah sebanyak 80% gaji harian purata anggapan atau \$8 jika kadar harian itu kurang daripada \$8.
- (b) Untuk faedah ini seramai 52 orang pekerja telah terlibat dan jumlah faedah telah dibayar ialah sebanyak \$7,846.31.
- (c) Jika selepas hilangupaya sementara itu berakhir dan pekerja-pekerja itu ada mengalami hilangupaya kekal, mereka layak pula menerima faedah hilangupaya kekal.

(2) Faedah Pengurusan Mayat

Faedah ini dibayar sebanyak \$1,000 untuk satu kematian. PERKESO telah membayar sebanyak \$12,000 sebagai faedah pengurusan mayat untuk 12 kes kematian yang diterima.

(3) Kaedah Orang Tanggungan

(a) Faedah ini dibayar kepada orang-orang tanggungan simati seperti ditakrifkan dalam Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969. Mereka yang ditakrif sebagai 'orang tanggungan' ialah:-

- (i) balu atau balu-balu dan anak-anak;
- (ii) ibu yang menjadi balu;
- (iii) ibu bapa yang bergantung sepenuhnya atau sebahagian besarnya kepada pendapatan simati;
- (iv) adik-beradik yang bergantung sepenuhnya atau sebahagiannya kepada pendapatan simati.

(b) Kaedah ini dibayar secara berkala kepada orang-orang tanggungan. Kepada balu faedah dibayar sehingga beliau mati atau berkahwin semula. Kepada anak-anak, faedah dibayar sehingga dia berkahwin atau sehingga mencapai umur 21 tahun, mengikut raana yang lebih awal, dan PERKRSO boleh meneruskan bayaran jika anak itu sedang menuntut di pusat pengajian tinggi sehingga tamat ijazah pertama. Anak yang terencat mentalnya atau tidak upaya secara fizikal akan menerima faedah ini selagi tidak berupaya.

3.3. Dalam kejadian di Sungai Buluh ini, setakat akhir Jun 1991, seramai 21 orang tanggungan telah dibayar faedah yang berjumlah \$4,047.40. Faedah ini akan dibayar berterusan secara bulanan mengikut kadar masing-masing.

- (4) PERKESO akan terus membayar faedah secara bulanan kepada balu-balu serta keluarga simati yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh, soalan No. 24.

LKIM - PROJEK KAMPUNG NELAYAN

24. **Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh** minta Menteri Pertanian menyatakan projek Kampung Nelayan LKIM, berapakah kampung yang terlibat sehingga kini dan apakah aktiviti-aktiviti dirancang yang dapat dijalankan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Tuan Mohd. Sharif bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, LKIM tidak melaksanakan projek perkampungan nelayan LKIM. Walau bagaimanapun, LKIM mempunyai program yang dinamakan Program Pembangunan Masyarakat Nelayan. Di bawah program ini, LKIM menyediakan kemudahan-kemudahan asas di perkampungan nelayan.

Projek-projek yang dilaksanakan ialah seperti berikut:-

- (1) Kemudahan asas pengkalan nelayan seperti jeti kecil, pelantar, jalan ke jeti, balai nelayan, pancang bot dan galang bot.
- (2) kemudahan asas kampung nelayan seperti jalan kampung, madrasah atau surau, titian, jambatan kecil, tandas, kemudahan pembuangan dan pembakaran sampah, balai,

serbaguna dan program pengindahan kampung.

Di bawah Rancangan Malaysia Kelima, LKIM telah diberi peruntukan sebanyak \$4.6 juta. Dari jamlah tersebut 34.1 juta telah dibelanjakan untuk menyediakan 799 buah projek bagi faedah seramai 62,600 orang nelayan.

Sementara itu, di Bawah Rancangan Malaysia Keenam, sebanyak 57 juta telah diperuntukkan untuk melaksanakan 1,131 buah projek.

CARUMAN KWSP - PENALTI KEPADA MAJIKAN

21. **Tuan Itam Wali bin Nawar** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:-

- (a) jenis-jenis penalti kepada syarikat-syarikat yang menggajikan orang awam tanpa mencarumkan dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan mendafarkan insuran pekerja-pekerja yang sama dengan SOCSO; dan
- (b) setakat ini berapa syarikat dan pertubuhan telah dikenakan tindakan sewajarnya (jika ada).

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jenis-jenis penalti yang dikenakan kepada majikan-majikan yang tidak mencarum kepada Kumpulnn Wang Simpanan Pekerja atau Pertubuhan Keselamatan Sosial adalah seperti berikut:
 - (1) Mana-mana majikan yang gagal membayar kepada KWSP apa-apa caruman yang dipertanggungkan di bawah Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 untuk pembayaran berkenaan, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan, boleh dipenjarakan selama suatu

tempoh tidak melebihi. tiga tahun atau denda tidak melebihi \$10,000 atau kedua-duanya.

(2) Di bawah Akta yang sama, mana-mana majikan yang memotong caruman pekerja daripada upah pekerja dan gagal membayar jumlah wang yang dipotong itu atau bahagiannya kepada KWSP adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dipenjarakan selama suatu tempoh yang tidak melebihi. enam tahun atau didenda tidak melebihi \$20,000 atau kedua-duanya.

(3) Mana-mana majikan yang layak di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 yang gagal mendaftarkan pekerja-pekerjanya dengan PERKESO adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dipenjarakan selama suatu tempoh yang tidak melebihi enam bulan atau denda tidak melebihi \$2,000 atau kedua-duanya.

(4) Di bawah Akta yang sama, mana-mana majikan yang memotong caruman pekerja daripada upah pekerja dan gagal membayar jumlah wang yang dipotong itu atau bahagiannya kepada PERKESO adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dipenjarakan selama satu tempoh yang tidak melebihi enam bulan atau didenda tidak melebihi \$2,000 atau kedua-duanya.

(b) Bilangan majikan yang telah didakwa oleh KWSP dan PERKESO adalah seperti berikut:-

	1989	1990	1991 (Jun)
KWSP	1,506	1,169	530
PERKESO	8	61	68

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Soalan Jawab Mulut sudah cukup. Kita pergi kepada urusan yang lain.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 11, 22, 23, dan 25 hingga 45 akan dimasukkan dalam naskhah bercetak kelak]

USUL

RANCANGAN MALAYSIA KEENAM 1991-1995

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa Dewan ini

menyedari pertumbuhan pesat ekonomi negara dan pencapaian yang ketara ke arah matlamat sosio-ekonomi dalam tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia Kelima;

merestui usaha-usaha Kerajaan melaksanakan Dasar Pembangunan Nasional bagi mencapai pembangunan seimbang berasaskan kepada pertumbuhan dengan pengagihan yang saksama dan matlamat yang terkandung di dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua;

meluluskan Rancangan Malaysia Keenam yang bertujuan untuk melaksanakan strategi dan program serta menyediakan peruntukan bagi mencapai matlamat dan memenuhi tanggungjawab kita dalam Dasar Pembangunan Nasional, seperti yang dibincangkan dalam Kertas Perintah Bil. 9 Tahun 1991;

Bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Keenam, Dewan ini menyeru semua rakyat Malaysia dari segenap lapisan untuk terus berusaha dengan letih gigih dan penuh keazaman selaras dengan semangat Rukunegara, ke arah mewujudkan masyarakat yang bersatupadu dan adil serta membentuk sebuah negara yang progresif dan teguh. [Ihb Ogos, 1991]

Perbahasan disambung semula.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya menjemput Tuan Saidin bin Mohamed menyambung ucapannya.

4.06 ptg.

Tuan Saidin bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Bagi menyambung perbahasan saya petang semalam maka saya ingin memperkatakan bahawa bagi melaksanakan rancangan-rancangan tentulah menempuh berbagai ranjau sepanjang tugas yang dilaksanakan. Jika program itu dilaksanakan mengikut kehendak yang diredhai Allah, insya Allah, lambat-laun akan berjaya dan diberkati, sebaliknya, rancangan-rancangan yang tidak baik akan musnah jua sudahnya. Justeru itu, dalam melaksanakan segala program perlulah berlandaskan suatu matlamat untuk menuju keredhaan Allah. Dalam melaksanakan segala program, perlulah melihat kembali pelaksanaan yang lalu, kajian yang dibuat di atas pelaksanaan itu dan cara-cara mengatasi seterusnya kejayaan yang telah dicapai.

Menyentuh mengenai hal ini dalam pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat adalah amat wajar dan rakyat negara ini haruslah menerima dan berasa bangga di atas kesungguhan Kerajaan memberi perhatian kepada rakyat termiskin khususnya. Sebenarnya, rakyat termiskin, atau dalam kata lain, pembasmian kemiskinan adalah tanggungjawab masyarakat sekitar. Jika sekiranya Kerajaan sahaja yang bertanggungjawab, masalah lain akan timbul iaitu kemiskinan, pendekatan kemasyarakatan yang mengakibatkan masalah sosial dan pendidikan.

Dalam melaksanakan program ini nampaknya agak lambat pergerakannya kerana sehingga kini masih banyak rakyat termiskin belum lagi mendapat bantuan, bahkan masih banyak lagi rakyat termiskin tercicir daripada pendaftaran.

Dalam soal kelambatan dan keciciran itu rakyat tertanya-tanya adakah Kerajaan akan membuat satu strategi lain atau mengambil apa-apa langkah lain yang lebih berkesan agar mereka juga mendapat perhatian segera.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai penyusunan semula masyarakat ini, walaupun perlaksanaannya diasaskan kepada pertumbuhan dan pengagihan ekonomi yang saksama, namun demikian, tidaklah semat-mata pertumbuhan dan pengagihan yang besar sahaja akan dapat suatu penyusunan masyarakat itu dilaksanakan. Pertumbuhan yang rendah dan pengagihan yang sedikit juga tidak kurang mustahaknya. Banyak bukti sejarah yang kita ketahui tentera yang kecil dapat menumpas atau memusnah musuh yang besar. Di sini meyakinkan kita bahawa bersatupadu akan mencapainya harapan yang dicita-citakan. Sebab itu dalam melaksanakan penyusunan semula masyarakat, bimbingan dan tunjuk ajar di tempat, maaf, sebab itu dalam melaksanakan penyusunan semula masyarakat pendidikan memainkan peranan penting. Jika sekiranya sesuatu program itu telah termaklum melalui pendidikan, kata-sepakat telah dicapai ke arah mana, ataupun ke bukit mana dan ke gunung mana yang hendak kita daki akan dapat diterokai.

Oleh itu saya tekankan sekali lagi bahawa dalam melaksanakan segala program, semua mereka yang terlibat hendaklah dimengertikan ataupun difahamkan dengan baik. Dalam hal ini saya ingin memberi contoh supaya lebih jelas iaitu jika sekiranya kita hendak melaksanakan kampung Halacara Baru, di Kampung Senonoh, misalnya, hendaklah JKK, terutamanya dan badan-badan sukarela yang ada perlu diberi kefahaman yang mendalam supaya mereka nampak faedahnya. Dalam soal ini saya ketengahkan kerana terdapat di masa dahulu ia diketepikan dalam hal ini yang mengakibatkan berbagai implikasi dan dalam keadaan itulah orang lain mengambil kesempatan. Begitu juga dalam usaha untuk melaksanakan program Induk Belia Negara yang bermatlamat untuk kebaikan negara dan kesejahteraan rakyat.

Dalam mencapai matlamat tersebut, pendidikan memainkan peranan penting, terutama kepada semua golongan belia, terutamanya penuntut-penuntut sekolah menengah dan tinggi. Maksud saya di universiti-universiti, bahkan tidak ketinggalan juga pemimpin-pemimpin masyarakat amnya perlu diberi kefahaman. Di sini bererti media massa adalah sesuatu yang penting. Janganlah hendaknya bila masyarakat melihat logo Malaysia Cergas, dianggap sebagai kempen-kempen untuk berseronok-seronok ataupun menari ataupun jika melihat logo yang lain seperti logo Malaysia Cergas, Malaysia Cemerlang, patriotik, ataupun harmoni, mahir, mulia, maju, sejagat, prihatin dan berbudaya, tidak memberi apa-apa makna. Bagi sesetengah golongan masyarakat perkataan patriotik, sejagat ataupun prihatin kadang-kadang langsung tidak pernah didengari ataupun hanya didengar sambil lalu begitu sahaja. Sedangkan yang perlu ialah penghayatan bahkan hendaklah lebih dari itu.

Menyentuh mengenai hal ini, maksud saya pelaksanaan program, amat perlu Kerajaan menambahkan bilangan kakitangan di Kementerian dan dari segi penyertaan masyarakat dalam program ini, Jabatan Kemajuan Masyarakat di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, adalah perlu mendapat kerjasama dan penyelarasan dengan Kementerian-kementerian yang lain juga, termasuklah Bahagian Agama, di Jabatan Perdana Menteri .

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai strategi bagi mewujudkan penyertaan bumiputera dalam sektor perdagangan, perindustrian dan komersial yang lebih bermakna, latihan-latihan dalam dan luar negeri yang tersusun perlu dikekalkan dan penerima-penerima latihan dan jaga pelatih perlu diberi perhatian, follow-up, dengan izin. Peniaga-peniaga dan pengusaha-pengusaha, yakni usahawan sentiasa mendapat bimbingan dan tunjuk ajar di tempat mereka menjalankan kegiatan. Kemudahan-kemudahan pinjaman dari bank dan lain-lain badan kewangan mestilah diberi. Bank-bank yang begitu lokek ataupun kedekut memberi pinjaman di senaraikan oleh Kerajaan sebagai bank-bank yang perlu di brainwash, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, di atas perhatian Kerajaan bagi tumpuan kepada kegiatan industri kecil dan sederhana dalam Rancangan Malaysia Keenam supaya industri kecil dan sederhana membekalkan bahan-bahan pengeluaran untuk perusahaan besar dan untuk penerokaan pasaran eksport adalah sesuatu langkah praktikal ke arah pengedaran kecergasan industri kecil ataupun kesegaran untuk industri-industri kecil. Dengan pelaksanaan berbentuk kerjasama dan penyelarasan demikian, maka tidak timbul lagi anggapan "tumbuh bagai cendawan ,

mati tidak berkubur". Namun demikian, harus diingatkan, dalam usaha negara untuk memberi kemakmuran kepada rakyat seluruhnya, tindakan sabotaj daripada sesuatu golongan, kononnya, dengan cara itu pihaknya akan mendapat harapan ataupun apa yang dicita-citakan. Sebenarnya, tindakan mereka itu adalah merugikan mereka ataupun negara.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya, saya tidaklah hendak bercakap dengan lebih panjang lagi dan dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang yang dibentangkan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Haji Ahmad.

4.15 ptg.

Tuan Haji Ahmad bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu mengucapkan terima kasih oleh kerana diberi peluang kepada saya mengambil bahagian membahaskan Rancangan Malaysia Keenam. sesungguhnya, dalam Rancangan Malaysia yang Keenam ini, kita mempunyai tujuan untuk meninggikan nilai kehidupan manusia kerana kita berfikir bahawa tiap-tiap kehidupan ini mesti ditinggikan untuk nilai-nilai kehidupan pada masa yang akan datang.

Dalam Rancangan Malaysia Keenam, kita dapati bahawa dalam meninggikan taraf hidup rakyat dengan memberi kemudahan asas seperti air, api, jalanraya, sekolah, universiti dan kilang-kilang untuk rakyat bekerja. Islam memang menggalakan manusia berusaha untuk meninggikan taraf hidup masing-masing. Tuhan tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum jika kaum itu tidak mengubah nasibnya sendiri. Inilah yang dilaksanakan oleh pemimpin-pemimpin kita melalui Rancangan Malaysia Kaenam. Dalam meninggikan nilai taraf hidup, kita mestilah berusaha untuk menambahkan ilmu pengetahuan kerana Tuhan menyerahkan bumi. Allah ini kepada umat-umatnya yang soleh.

Apabila kita mengatakan umat yang soleh ialah umat yang mempunyai ilmu pengetahuan dalam segala bidang.

Dalam Rancangan Malaysia Keenam, kita mendapati bahawa kita hendak membaiki kemudahan-kemudahan asas. Jadi, ia berkehendakkan setiap manusia boleh melaksanakan kemudahan-kemudahan asas seperti jalanraya, membina hospital-hospital, membina bangunan-bangunan, mengadakan segala kemudahan bagi dinikmati oleh rakyat. Jadi, saya ingin menyentuh berkenaan dengan kemudahan asas, terutama jalanraya yang menghubungkan rakyat di seluruh tanah air ini, saya merasakan bahawa apabila kita melihat perbezaan cara berfikir, pelaksanaan membaiki jalan di antara negara kita dengan negara jiran atau negara-negara Eropah, sangatlah berbeza.

Di negara jiran kita, apabila melihat jalan-jalanraya yang boleh menimbulkan kemalangan, mereka meluruskan jalan itu dengan tidak mempedulikan apa-apa bantahan daripada sesiapaupun demi kepentingan awam. Berbeza dengan negara kita, pelaksanaan untuk meluruskan jalan ini tidak dibuat di tempat kemalangan seperti mana yang kita dengar, berlakunya kemalangan di tempat itu ialah kerana selekohnya begieju tajam, selekoh yang menyebabkan tidak boleh dielak mesti berlaku kemalangan. Tetapi apabila hendak membaikinya, Jabatan Kerjaraya hanya membesarkan selekoh itu, Dia tidak berani mematang lurus kerana melibatkan pengambilan tanah dan juga bantahan-bantahan daripada orang-orang kaya yang mempunyai *estet*.

Jadi, mudah-mudahan dengan Rang undang-undang Pengambilan Tanah yang baru, yang akan kita luluskan ini, tidak ada halangan lagi untuk kita meluruskan jalan itu dengan lebih sempurna seperti negara-negara jiran kita dan juga di negara-negara yang maju.

Tidak ada halangan. Esok jangan ada alasan lagi bahawa tanah ini orang kaya punya, dibengkokkan balik supaya jangan diambil.

Begitu juga berkenaan dengan kemudahan kelihatan. Bertahun-tahun lamanya. Daripada selepas mencapai kemerdekaan, kita melawat hospital-hospital di seluruh Malaysia ini. Sangat tidak diperbaiki dengan sempurna. Kadang-kadang, kita jumpa meja doktor, tempat peperiksaan yang sudah lama, dalam zaman kolonial penjajahan British. Kerusi sampai sekarang, diletakkan di situ, tidak bertukar. Macam manalah doktor itu hendak berhibur. Jadi, doktor itu, terpaksa lari apabila cukup jangkamasanya, memikir dan terus membuat jalan lain membuka kliniknya sendiri.

Kemudian gajinya juga hendaklah dikaji semula. Kita dapat melihat hari ini dari suratkhobar, doktor otak, pakar pembedahan otak, sudah berhenti dengan 17 orang rakan-rakannya. Jadi, ini pensyarah yang paling baik di universiti. Dengan adanya pensyarah itu, menyebabkan segala mahasiswa-mahasiswi dapat kelulusan dalam bidang ilmu kedoktoran 100%. Sebelum doktor ini ada kelmarin, hanya 30% yang lulus. Sesudah ada doktor pakar ini, 100% students lulus. Sekarang ini doktor ini telah berhenti. Entah ke mana pergi.

Jadi, bila disebut sebab dia berhenti ialah kerana gaji dan kemudahan-kemudahan lain tidak diberi. Jadi, kita kehilangan pakar kerana kita takut menaikkan gaji tetapi kita telah tidak segan-silu pula mengambil doktor daripada luar negeri untuk menampung kekurangan doktor. Ada doktor yang datang daripada luar negeri itu tidak tahu cakap English dan tidak juga tahu cakap Melayu. Rakyat Malaysia ini boleh berbahasa Inggeris dan boleh berbahasa Melayu, boleh bercakap bahasa Cina dan India, tetapi yang datang itu cakap

bahasa Korea. Macam mana dia hendak tanya, "Apa sakit awak?" "Anatanao namniwan nandezka," dengan izin, itu bolehlah dia cakap.

Kemudian, dalam memperbaiki kehidupan rakyat di seluruh segenap kampung-kampung, kita selalu mengatakan bahawa kita ingin membela rakyat jelata yang miskin. Dalam pembelaan rakyat jelata yang miskin ini, semua rancangan daripada Rancangan Malaysia Kelima dahulu dengan Dasar Ekonomi Baru, kita dapat melihat bahawa perubahan-perubahan hidup rakyat di bandar-bandar begitu mudah. Orang-orang di bandar mendapat kemudahan mengubah penghidupannya daripada taraf hidup yang menengah terus menjadi manusia yang kaya kerana ada kemudahan, mengambil segala projek—projek yang dilaksanakan oleh Kerajaan melalui Rancangan Malaysia Kelima yang lalu dan juga melalui Dasar Ekonomi Baru. Mereka dapat hidup mewah, mempunyai kereta dan balik ke kampung dengan mengejutkan rakyat di kampung yang dapat melihat perubahan mereka ini dengan membawa Mercedes, BMW, Rolls Royce pun ada juga, dan membawa isterinya yang cantik. Tetapi rakyat jelata yang miskin di kampung-kampung sehingga hari ini, kalau dia menjadi buruh sama ada orang Melayu, India dan Cina, kalau dia menjadi buruh di estet, kekallah. Gajinya yang begitu murah, kemudahan asasnya tidak ada.

Bertahun—tahun lamanya kita memperjuangkan nasib pekerja-pekerja estet. Di dalam estet-estet yang besar, yang mempunyai keuntungan yang besar, dahulunya bekas kepunyaan penjajah-penjajah yang telah menjadi estet kepunyaan rakyat Malaysia ataupun perbadanan-perbadanan kemajuan dalam Malaysia ini, ada perubahan daripada segi kehidupannya. Dia membuat rumah pekerja, masukkan api, elektrik, kemudian memberikan kemudahan-kemudahan lain seperti cuti dan cuti bersalin yang melebihi daripada dua bulan sedangkan

orang bersalin cukuplah 44 hari. Estet boleh beri dari 60 hari ke 90 hari

Tetapi, di estet-estet yang kecil yang dipunyai oleh taukeh-taukeh yang dahulunya rakyat Malaysia yang taat-setia, tetapi tidak dapat memasukkan air dan api ke dalam estet-estet itu dan juga kemudahan jalan raya. Katanya mereka itu tidak untung, jadi, tinggallah kuli-kuli estet itu di dalam kegelapan.

Saya dapat melihat bagaimana kehidupan buruh-buruh ini dalam estet sama ada Cina, Melayu dan India, tetapi lebih ramai orang India duduk di dalam gelap. Langsung tidak nampak apa-apa lagi kerana gelap. Jadi, tidak ada kemudahan elektrik, tidak ada kemudahan air, mandi di perigi, kemudian malam hari, duduk dengan memikirkan nasibnya yang tidak pernah berubah. Jadi, akibat daripada kesengsaraan yang seperti itu, kemudahan biliknya yang sempit, keluarganya ramai pula. Agaknya sebab tidak ada api, makin lama makin ramai anaknya. Bila dia tinggal dalam sebuah rumah, sedangkan anaknya begitu ramai, biliknya hanya satu, digantungnya kain iaitu daripada sumpit tepung untuk melindungi kehidupan dia suami isteri dengan anak-anaknya yang berasingan diasingkan oleh kain yang dibuat daripada bungkusan tepung gandum.

Inilah kadang-kadang menimbulkan deraan kepada anak-anaknya. Ibubapa yang sudah penat bekerja pada siang hari, ingin bersenang-senang dengan isterinya pada malam hari, tetapi gangguan anaknya yang meloncat, yang mempunyai kebisingan, yang berlari ke sana ke mari sehingga merisaukan kepala bapanya, menyebabkan bapanya mendera anak-anaknya sendiri.

Kemudian mereka yang bekerja, kedua-dua ibubapa sekali, meninggalkan anak-anaknya kepada orang lain. Jadi, orang lain ini

digaji dengan keadaan gaji yang kecil juga menyebabkan kalau anak-anaknya ini membuat bising, orang gaji juga akan mendera kanak-kanak ini sehingga ada yang mati.

Jadi, saya rasa perhatian kepada mereka yang bekerja sama ada pekerja ladang ataupun pekerja di peringkat menengah seperti kerani atau guru, patutlah Kerajaan mengusahakan, mengadakan sekolah atau tempat yang diletakkan kanak-kanak ini. Kita ada peringkat kanak-kanak TABIKA, tetapi peringkat anak-anak yang kecil ini tidak ada jagaan kerana kalau kita berikan jagaan kepada orang-orang gaji mereka akan dianiayakan. Kalau dia hendak jaga sendiri, tidak terdaya. Jadi, lebih baik kita mengadakan satu tempat, Kerajaan usahakan tempatnya, supaya rakyat boleh menghantar anak-anaknya ke dalam sekolah latihan itu untuk dijaga dengan sempurna dan teratur.

Kemudian, Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan nikmat pembangunan yang telah dirasai oleh orang-orang yang di dalam bandar yang dapat mencapai kenikmatan kerana rapat dengan pihak Kementerian di peringkat Pusat ini, patutlah juga dapat dinikmati oleh orang-orang di luar bandar yang baru.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cubalah ringkaskan ucapan kerana ada ramai orang yang hendak bercakap.

Tuan Haji Ahmad bin Haji Abdullah: Ya, baik, Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya rasa patutlah kita memberikan permit-permit kepada orang-orang yang ingin berniaga di luar bandar. Kita merasa pelik jaga dalam mendirikan Kementerian kita ada dua Kementerian, yang pertama Kementerian Perdagangan Luar Negeri dan ada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ini tidak diberikan kuasa yang banyak dalam menentukan memberi permit kepada orang ramai yang ingin berniaga.

[Tuan Adam bin Kadir **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Haji Ahmad bin Haji Abdullah: Hanya satu sahaja permit yang diberikan kuasa, iaitu lesen untuk menjual minyak dan gas untuk mendirikan kilang minyak atau stesen minyak yang boleh dijual. Selain daripada itu tidak ada. Sepatutnya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ini diberi kuasa sepenuhnya mengenai segala barang-barang yang ingin dimasukkan ke dalam negeri ini. Jadi sekarang kita tidak tahu macam mana pembahagian semua barang-barang daripada luar negeri, kita hendak jadi agen dan bila kita tanya, semua tidak tahu.

Kementerian Perdagangan Luar Negeri mengatakan dia luar negeri sahaja, kalau hendak hantar getah, hendak hantar misalnya kelapa sawit, hendak hantar bijih, bolehlah berhubung dengan dia, tetapi bila hendak bawa masuk barang ke mari, segala jenis barang-barang yang hendak dimasukkan ke dalam negeri ini, tidak ada siapa yang mengaku boleh memberikan kemudahan kepada mereka itu.

Lagi satu kemudahan bagi rakyat berhubung dengan Kementerian Perusahaan Awam. Kementerian Perusahaan Awam apabila kita menemuinya, dia mengatakan pening kepala, sebab terlalu ramai rakyat memohon untuk mendapatkan permit teksi, untuk mendapatkan permit pengangkutan bas ekspres, untuk mendapatkan permit pengangkutan. Lori, trailer, lori yang mengangkat tanah, lori mengangkat pasir, semuanya sekarang berjumlah lebih daripada 1 juta permohonan. Apabila saya menemui Menteri Perusahaan Awam, dia mengatakan ada satu juta permohonan peninglah kepala. Apa payah-payah pening, orang hendak permit, beri sahajalah beri semuanya. Saya minta supaya Menteri yang berkenaan, berikan semua. Apa hendak pening? Dia hendak bawa teksi, dia kata pening, kalau diberikan **dia**, bankrup. Apa payah pula, kita hendak memikirkan orang itu bankrup. Berilah permit teksisebanyak-banyaknya.

Bila saya berjalan ke seluruh tanahair ini, saya tengok di Johor Bharu yang paling banyak sekali teksi, Cina, Melayu, India pun bawa teksi, Mabuk teksi, bila saya tahan, ada sahaja teksi-teksi, dia kata sangat senang cari makan. Apa pasal? Oh! di sini ada banyak teksi. Kelmarin ada teksi haram, jadi Kerajaan tukar menjadikan teksi. Jadi banyak teksi, tidak ada satu yang bankrup, semua dapat cari makan, dia kata mudah. Mana pula bankrup, kita sahaja sangka bankrup. Kalau dia bankrup pun tidak ada kena-mengena dengan Kementerian.

Begitu juga lori, kita beri lori sebanyak-banyaknya. Dia boleh cari makan itu di mana, dia bawalah, bankrup dia punya paaal. Kalau kita tidak beri, itulah jadinya. Sekarang ada dalam suratkhbar Berita Harian tadi di muka hadapan, Lori Hantu. Ini lori hantu yang tidak ada permit merugikan kita, dia boleh curi pasir dan curi tanah. Jadi, berilah permit seberapa banyak yang boleh.

Kemudian orang hendak buka bas ekspres, kalau kita tidak benarkan, ada bas ekspres, satu sahaja yang dibenarkan berjalan. Macam saya di Melaka, daripada Melaka ke Singapura satu sahaja. Kemudian sombonglah dia. Kita hendak membeli tiket dia tak mahu jawab dan ditutup pintu. Masa dibuka pukul 3.00 atau pukul 4.00 boleh datang membeli tiket, time lain jangan datang. Oh! begitu hebat, kerana dia satu sahaja. Kalau diberi lima atau enam buah bas ekspres yang boleh pergi ke Singapura, rakyat pun senang, taukeh pun tak jadi sombong.

Di negara jiran kita memang banyak, kalau kita pergi ke Singapura memang banyak teksi-teksi, lagi banyak. Yang menghairankan tidak ada yang bankrup macam teksi yang saya katakan tadi. Kalau di London kita duduk tak, berhenti-henti teksi, sentiasa ada teksi. Jadi, apa salahnya negara kita yang sedang membangun sekarang mencontohi negeri-negeri yang maju memberikan permit teksi, permit bas ekspres, permit lori kepada semua masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pertahanan negara, kita melihat juga bahawa begitu banyak peruntukan telah diberikan kepada Kementerian Pertahanan yang dalam melaksanakan projek membaiki dan juga mencantikan kelengkapan Kementerian Pertahanan ini, saya dapati bahawa kebanyakan kelengkapan alat senjata, kereta-kereta dan juga kapal-kapal terbang hendak dibaiki dan hendak diganti. Saya rasa kebanyakannya semuanya bekas penjajah dahulu, jadi patutlah bukan sahaja diganti, tetapi hendaklah dibeli baru. Kalau kita beli baru, kita akan dapat senjata yang begitu baik dan moden.

Jadi, oleh sebab ada nasihat daripada Tuan Yang di-Pertua

supaya memberi peluang kepada orang lain yang hendak berucap. Mudah-mudahan sahabat-sahabat saya kelima-lima orang ini dapat peluang berucap.

Jadi, saya menghormati kawan-kawan saya, saya pendekkan ucapan ini dengan memberikan ucapan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Mudah-mudahan ucapan saya ini dapat diperhatikan oleh Kementerian yang berkenaan dan mengambil tindakan supaya pelaksanaan Rancangan Malaysia Keenam ini berjalan dengan maju dan jaya. Terima kasih.

Tuan Adam bin Kadir: Tunggu sekejap. Ada tiga orang dalam senarai saya ini, yang pertama. Puan Ainon, yang kedua Tuan Chong Chi Siong dan yang ketiga Tuan Haji Ahmad Zahid. Jadi, saya persilakan Puan Ainon binti. Ariffin.

4.38 ptg.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bersama-sama menyokong penuh dengan rasa kesyukuran dan rasa bangga serta dengan penuh harapan kepada usul Rancangan Malaysia Keenam yang diusulkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Dewan Rakyat dan kemudian dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri ke dalam Dewan Negara yang mulia ini di mana pada, hati ini kita telah diminta dimajukan kepada persidangan untuk dibahaskan.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya katakan pertama sekali iaitu saya menyokong penuh usul ini yang mengandungi di dalam buku yang telah diberikan sebanyak 16 bab dengan ceraiannya yang beratus-ratus. Kesemuanya mempamerkan dan mencatatkan beberapa rancangan-rancangan yang konkrit, menyeluruh dan juga rancangan—rancangan yang sebenarnya boleh menjadi kebanggaan rakyat di Malaysia dan akan menjadi tumpuan perhatian kepada negara-negara yang sedang membangun dan juga menjadi satu tandatanya ataupun menjadi satu persoalan masalah kepada negara-negara maju.

Kerana dengan kemajuan negara kita, negara-negara maju sukar hendak memeralatkan atau hendak memperkotak-katekkan Malaysia sama sebagaimana yang mereka pernah lakukan di negara-negara membangun yang lain, bukan sahaja di rantau Pasifik tetapi juga di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memetik sedikit ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang dikasihi mengenai usul Rancangan Malaysia Keenam (RME) ini yang disebut dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam, ekonomi negara dijangka akan berkembang pada kadar 7.5% setahun mengikut nilai sebenar berbanding dengan 6.7% dalam Rancangan Malaysia Kelima. Nyata sekali bahawa dalam maa 5 tahun akan datang kadar pertumbuhan yang telah dikaji dan dijangka ini amatlah menggembirakan. Selain daripada itu disebutkan juga bahawa matlamat ekonomi makro kita akan dapat dijangka diramal atau akan diusahakan seperti berikut. Saya hanya memetik perkara-perkara yang berkaitan dengan rakyat jelata. Kerana saya salah seorang daripada rakyat jelata. Iaitu mengenai pengangguran.

Kalau dalam Rancangan Malaysia Kelima kita telah mencapai perangkaan hanya 6.0% bermakna masih perlu dipertingkatkan kerana pengangguran merupakan bala atau merupakan satu mala petaka dan menjadi kesedihan di kalangan rakyat yang mungkin mengkucar-kacirkan kestabilan negara. Tetapi pada Rancangan Malaysia Keenam diduga,

diramal, insya Allah, mudah-mudahan tercapai dia akan menurun kepada 4.5% dan di RRJP2 dia akan tinggal 4%. Ini satu kebanggaan. Satu harapan yang mengandungi rasa kebanggaan. Sama ada ianya tercipta atau tidak terpulanglah kepada kestabilan negara yang merangkumi politik dan perpaduan. Maksud saya kestabilan politik dan kestabilan perpaduan.

Inflasi pula diduga pada Rancangan Malaysia Kelima 2.0% dan kemudian Rancangan Malaysia Keenam diduga akan rendah lagi daripada itu. Walaupun baru-baru ini ada keraguan timbul di kalangan kritikus—kritikus kita bahawa inflasi nampaknya mula berkembang pada 2.3% dalam masa jangka satu dua bulan. Tetapi Menteri yang berkaliber yang menjawat jawatan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar Ibrahim menjawab bahawa kadar inflasi itu tidak sama sekali membimbangkan. Kerana kalau dibanding dengan negara-negara ASEAN atau negara-negara di rantau Pasifik, Tenggara Asia atau di Asia Timur sekalipun, Malaysia masih mempunyai tahap yang rendah dalam hal inflasi atau kadar inflasinya.

Kemudian kadar per-kapita. Ini juga membanggakan kita iaitu Rancangan Malaysia Kelima didapati 6,180 tetapi Rancangan Malaysia diduga 10,200. Ini angka yang baik, status yang tinggi mungkin boleh sedikit-sedikitlah menyamai negara Jepun walaupun tidak begitu sama tetapi sudah boleh menjangkau. Mungkin lebih tinggi sedikit daripada per-kapita Indonesia atau sebahagian daripada negara-negara ASEAN dan diduga pula pada RRJP2 kita 17,000.

Tuan Yang di-Pertua, ekoran daripada itu ada juga disebutkan melalui ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu yang meragui

mengenai penambahan penduduk yang begitu pesat. Bahkan entah bagaimana lebih pesat daripada pembangunan ekonomi negara. Para 19 mukasurat 14 ucapan Perdana Menteri menyebut " di sebalik kemajuan yang telah dicapai, perlu diingatkan bahawa penambahan penduduk di negara ini adalah pesat."

Teringat saya cakap kawan saya Dato' Abdullah tadi, dia kata orang-orang dalam estet oleh kerana kekurangan api, maka mereka itu menumpukan atau memberi perhatian penuh kepada satu kegiatan iaitu kegiatan tugas-tugas malaman. Di mana disebutkan tadi boleh menimbulkan masalah kepada anak-anak kerana tugas itu hendak dijalankan dalam kawasan yang begitu kecil. Jadi mungkin juga ini satu daripada unsur. Dengan penambahan penduduk pada kadar 2.4% ini bermakna penambahan seramai 450,000 orang setiap tahun

Kemerosotan taraf hidup, penambahan ini sahaja boleh menyebabkan kemerosotan taraf hidup. Ini yang saya ingin sentuh. Melainkan ekonomi kita mampu berkembang dengan lebih pesat daripada penambahan penduduk. Sesungguhnya amat peka Perdana Menteri kita, pemimpin-pemimpin kita dengan segala perkembangan yang berlaku dalam masyarakat di bawah teraju beliau sehingga kepada kepesatan penambahan penduduk.

Saya rasa dalam perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, ada sedikit silap faham daripada rakyat kita ini. Apabila dulu Perdana Menteri mengisytiharkan kita inginkan 70 juta dalam masa tahun 2000 kalau saya tidak salah...

Tuan Adam bin Kadir: 70 juta, saya rasa tahun 2050.

Puan Ainon binti Ariffin: Tahun 2050, kurang pasti saya. Tetapi dulu saya amat mengikuti perkembangan **ini**. Jadi mereka tidak nampak yang tersirat. Yang mereka nampak ialah yang tersurat iaitu pertambahan penduduk. Pertambahan penduduk atau zuriat mesti melalui hubungan perkahwinan. Maka orang lelaki pun ambil kesempatan lalu membuka "cawangan-cawangan". Dan kemudian zuriat-zuriat pun bertambahlah, lalu itu menjadi satu alasan, Wanita-wanita jangan marah. Ini poligami. Sekarang ini selain daripada Islam menghalalkannya maka sekarang Perdana Menteri pula menggalakkannya. Ayoh, kalau isteri pertama hanya beranak lima boleh kawin lagi, dapat lagi lima, sepuluh. Tambah lagi satu, lima belas. Lagi satu yang keempat dua puluh. Maka, ini satu sumbangan kepada negara. Sama juga kalau sebelum hujah ini dikeluarkan atau saranan ini dikeluarkan, terutama di kalangan orang-orang Islam dia menyebut "kita hendaklah mengikut Sunnah Nabi." Tetapi apabila tentang tanggungjawab, Tuan Yang di-Pertua, napsu-napsi. Wanita juga yang menjadi mangsanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak menekankan perkara itu kerana itu hanya merupakan perkara sampingan sahaja. Seekoran dengan apa yang saya perkatakan dari permulaan mukadimah penyokongan saya ini, saya ingin menyentuh satu-persatu dan menjuruskannya kepada pelaksanaan.

Sesungguhnya Rancangan Malaysia Keenam ini, rancangan yang merupakan mutiara atau kalau ada perkataan yang lebih baik daripada itu bolehlah disebutkan. Dan segala-galanya tersusun begitu indah dan rapi. Bukan sahaja indah, rapi, konkrit dan juga

begitu tersusun dengan baik, dengan segala-gala pendekatannya, cara-cara perlaksanannya dan penuh dengan kesedaran.

Tuan Adam bin Kadir: Semua anggun.

Puan Ainon binti Ariffin: Semuanya anggun, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Semua anggun dan unggul. Jadi pelaksanaan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyentuh perkara itu satu-persatu dan menjuruskannya kepada kerana rancangan ini akan dialirkan bukan direct kepada rakyat tetapi melalui Kementerian-kementerian, jabatan-jabatan, badan-badan berkanun, pihak swasta dan juga pihak rakyat-rakyat umum atau masyarakat umum.

Seperkara yang saya ingin sentuh dahulu ialah Kementerian Perpaduan dan Pembangunan Masyarakat, Menteriannya adalah kesayangan saya.

Kementerian ini daripada dulu lagi, namanya berbeza. Tetapi dulu ia tidak berbentuk Kementerian tetapi sekarang sudah dijadikan satu Kementerian. Demikian betapa Perdana Menteri kita, memandang berat bahawa kestabilan politik dan perpaduan rakyat adalah teras terpenting bagi mencapai semua kemajuan rancangan-rancangan yang akan atau yang sudah dirancang begitu terancang dan untuk dicapai nantinya.

Kementerian ini sebenarnya telahpun menjalankan kerjanya dengan baik, tidak dinafikan. Apa yang saya ingin sentuh lagi ialah mengenai perlaksanaan dan daya usaha untuk perpaduan melalui Jabatan—jabatan Perpaduan di peringkat negeri dan daerah.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Jabatan Perpaduan Wilayah Persekutuan kerana mereka memang bergerak cergas dan memang membuat semua kegiatan yang telah dijadikan sebagai matlamat atau pendekatan - ada Jiran Muda, ada Kelas Perpaduan, ada perkelahan semua kaum, ada latihan-latihan kraftangan semua kaum dan berbagai-bagai lagi. Malahan ada setengah-setengah tempat yang sensitif dan selalu sahaja kedapatan ketegangan-ketegangan, maka dengari segera pegawai-pegawai dari Jabatan Perpaduan ini menjalankan daya usahanya, maka yang tegang pun jadi lembut dan yang bertelagah pun menjadi bersefahaman. Tetapi yang saya perhatikan di negeri—negeri, tanpa mengecil-ngecilkan daya usaha di negeri, didapati perkara ini tidak begitu mantap perjalanannya. Dimintalah Kementerian berkenaan, Menterinya seorang wanita, sangat peka dengan perkara—perkara ini, supaya meneliti dan mengawasi, menyelia dan siasat perkara ini terus daripada Kementerian kepada negeri-negeri tanpa melalui orang-orang perantaraan, kerana Tuan. Yang di-Pertua, kalau melalui laporan, Insha Allah, tebal lagi daripada Buku Rancangan Malaysia Keenam ini, kerana mengikut laporan semuanya okay, semua baik, semua berjalan elok, ini telah berjalan, ini telah berjalan. Diberi peruntukan, dipulangkan balik peruntukan itu, pandai jimat cermat. Tetapi bila disiasat, daripada 100 atau 200 rancangan yang ditaja atau dirancang, hanya 20% sahaja yang dijalan-

kan. Maka sebab itu kedapatan perkara-perkara perpaduan ini tidak berjalan dengan baiknya di setengah-setengah negeri, yang saya tidak suka hendak menyebutkannya, hanya memmberikan isyarat-isyarat sahaja kepada Kementerian berkenaan.

Seperkara lagi ialah tanggungjawab daripada Kementerian ini dari segi pendidikan. Sungguhpun pendidikan ini kalau asas atau awalan dari rumah kerana tidak ada anak-anak yang besar terus daripada 4 tahun. Ianya mesti dilahirkan dan mesti ada ibu dan bapanya. Hanya Siti Mariam sahaja, dalam Kitabullah disebut yang tiada **ber-**suami, yang lain itu mestilah melalui proses perkahwinan sama ada perkahwinan yang halal atau haram, itu lain cerita, tetapi zuriat mesti lahir daripada cara yang demikian. Tetapi syukur di negara kita yang halal ini 99.5% walau apa kaum sekalipun. Jadi pendidikan asas di rumah **ini**, kita dapati pendidikan asas ini makin lama makin lembab dan makin tidak begitu diperhatikan sebab kebanyakan wanita bekerja. Saya bukan melarang wanita bekerja, saya sokong penuh, wanita mesti bekerja, sebab kita mempunyai kewibawaan yang sama dengan lelaki. Saya selalu memperjuangkan hak-hak wanita, tetapi pengabaian kepada pendidikan ini perlu diberi perhatian.

Kadangkala suami isteri hendak kahwin, kalau fasal kahwin dia kajilah buku, macam-macam buku dia baca, tetapi yang kebanyakannya berunsur seks sahaja, tidak berunsur kepada cara mana hendak memberikan pendidikan yang baik kepada zuriat yang akan dilahirkan oleh pertemuan seks itu. Ini perlu diberi perhatian oleh Kementerian yang berkenaan. Adakanlah, anjurkanlah, sebab nampaknya masyarakat kita **ini**, masyarakat yang perlu dibimbing, dianjurkan, ditunjuk, belum

lagi boleh membuat inisiatif, dengan izin, dengan sendirinya atau berusaha sendiri. Jadi terpaksa dibimbing. Ini tanggungjawab Kerajaan, iaitu maksud saya adakan banyak kursus-kursus kelaminan, kemudian di sekolah elok jugalah selain daripada ada pelajaran-pelajaran yang berbentuk ko-kurikulum yang berkaitan dengan kelahiran ini tetapi hendaklah juga ada pelajaran ataupun ada perkara-perkara pendekatan yang mengenai pendidikan apabila mereka besar, dewasa dan menjadi ibu dan bapa. Tetapi pendidikan awalan di rumah inilah yang perlu diperhatikan iaitu kepada bakal ibu dan bakal bapa iaitu kepada belia-belia dan beliawanis, diberikan juga pendekatan-pendekatan ini.

Kemudian kita faham dalam hendak menjalankan banyak tugas, mesti. (memerlukan jentera dan Menteri yang berkenaan pernah bercakap mengatakan tanya kurang jentera atau kakitangannya kurang - pelik bin ajaib, Tuan Yang di-Pertua. Pengangguran di kalangan mahasiswa atau siswasah-siswasah ialah 42,000. Mengapa kakitangan dikatakan kurang lagi? Kenapa tidak boleh diambil kakitangan itu segera? Kalau barangkali difikirkan dari segi kewangannya kurang mencukupi, barangkali ada satu jalan boleh dibuat. Iaitu mereka ini tidak beri gaji mengikut skill-skill yang ada dan dibuat kontrak, umpamanya kalau tiada duitlah, Tetapi saya tidak fikir sebab pertumbuhan, perkembangan ekonomi kita baik, peruntukan untuk Kementerian itu pun banyak bertambah. Ayuh! ambillah petugas-petugas baru, kakitangan baru, janganlah sebut kurang kakitangan, sebab yang menunggu ini begitu punya ramai wanita dan lelakinya - hendak siswasah, hendak yang lulus diploma, hendak yang SRP, banyak dan ramai yang menunggu. Jadi pertambahan pegawai ini, mintalah pihak JPA ini janganlah lokek

sangat, janganlah terlampau terperinci apabila hendak mengambil pegawai "A.B.C.D.E.P.G,H.I.J.K" dan kemudian pula "L,M,N" sampai "2". Lepas itu patah balik "A.B.C", baru diambil. Saya dapati inilah gapnya.

Tuan Yang di-Pertua, satu-satu jawatan yang hendak diambil - interview. Lepas interview tiga bulan tidak dijawab. Lepas itu jawab pun kadang-kadang itu ada yang dibubuh dalam rezab. Saya membuat kajian ini sebab saya sangat-sangat mengambil berat tentang masalah pengangguran, kerana kami wanita-wanita ini menjadi pemimpin kerdil ini selalu sahaja emak bapak datang menangis, selalu sahaja minta pertolongan, "anak saya minta kerja, tolonglah sokong." Ada ibu pula yang datang minta "tolonglah carikan anak. saya kerja".

Tuan Yang di-Pertua, saya harap dengan perkara—perkara ini Kementerian berkenaan dapat berjalan dengan baik. Ini termasuk dalam Rancangan Malaysia Keenam kita, boleh diperbaiki. Saya suka menyentuh Bab 4 dalam RM6 ini iaitu yang bertajuk Pembangunan Industri Luar Bandar di mukasurat 164, para 4.49 iaitu yang berkaitan dengan Pembangunan Petindustrian Luar Bandar.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya membaca kitab ini kerana saya hendak petik dariapda itu dia punya pecahannya iaitu:

" Pembangunan industri **luar** bandar akan terus menjadi alat penting untuk meningkatkan taraf hidup penduduk luar bandar. Pembangunan industri tersebut akan juga menyediakan peluang kepada usahawan Bumiputera di luar bandar untuk berkecimpung dalam sektor pembuatan moden. Dalam tempoh RME penyusunan institusi dan penyediaan galakan" - saya ulang lagi "penyediaan

galakan" yang bersesuaian akan dibuat bagi mempercepat pelaksanaan program yang mempunyai asas yang lebih luas dengan tumpuan khusus kepada pewujudan peluang pekerjaan yang lebih banyak dan peningkatan produktiviti."

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat menyanjung tinggi rancangan ini kerana ditunggu—tunggu lagi, masih lagi orang-orang luar bandar itu lapar dahaga dengan perkara-perkara ini. Cuma saya minta janganlah besok perindustrian luar bandar datangnya dari Jerman juga, datangnya dari Jepun juga, bukan kita tidak menggalakan pelabur asing tetapi di sini disebutkan akan juga menyediakan peluang kepada usahawan bumiputera". Yang kita bimbang "peluang" ini "peluang" dia bukan begini "peluang", ertinya narrow tetapi peluang itu kecil, sedikit dan tidak banyak yang dapat. Jadi biarlah "peluang" itu perkataannya berbunyi "p-e-l-u-a-n-g" dari kecil dia meluas besar, merangkumi, ertinya sampai kepada matlamat kerana Rancangan Malaysia. Kelima banyak yang tidak sampai,

Tuan Yang di-Pertua, di mana gapnya? Saya percaya pihak-pihak pemegang teraju segera tahu di mana gap-gapnya itu. Dalam perkara 4.50 perkara yang saya ingin sebut berkaitan dengan industri luar bandar ini ialah Pusat Pertumbuhan Desa yang telah dikenalpasti dari projek priotis yang terpilih akan dilaksanakan. Alhamdulillah, tahniah, mudahan-mudahan harapan saya ianya akan dilaksanakan dengan konkritnya, dan terus menuju kepada matlamatnya.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya ingin menyentuh juga perkara yang berkaitan dengan Bab 4 ini, iaitu mengenai Kementerian yang mungkin bertanggungjawab mengenai pembangunan perindustrian, dalam negeri ini, iaitu Kementerian yang baru sahaja ditubuhkan, baru 9 bulan, Tuan Yang di-pertua, nama Kementerian itu ialah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Satu kebetulan semalam kami dijemput untuk diberikan taklimat oleh Kementerian yang berkenaan. Cantik juga segala strukturnya, strateginya, matlamatnya, pencapaiannya, perancangannya, tetapi ada satu soalan yang timbul.

Kami baru mengetahui rupanya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri ini kuasa-kuasanya terhad benar. Jadi, dalam beliau hendak menjalankan tanggungjawabnya, kalau kuasa-kuasa itu syer-syer - syer-syer maksudnya ialah dalam dia punya motto berbunyi begini: "Mencapai keseimbangan di antara kepentingan perdagangan dengan kepentingan pengguna". Tetapi dalam hendak membuat perimbangan, macam daging ini, kuasa kepada mereka itu kurang. Contohnya gula, gula ini hendak mengimportnya adalah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri hendak menentukan harga gula, jalan gula, di mana gula, ialah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Jadi bagaimana ini? Kalau ibarat ayam sudah sembelih baru sampai kepadanya, kalau salah sembelih itu, di sini kena tanggunglah jawabnya, kepala dekat sana, ekor dekat sini.

Maka hujahan saya atau cadangan saya ialah sila beri Kementerian ini semua kuasa-kuasa yang berkaitan dengan Kementerian Perdagangan. Dalam negeri keseluruhannya supaya ianya sekumpul *in-situ* dalam Kementerian itu. Tidak nanti kami ini atau rakyat ini, mereka ingat ini Kementerian Perdagangan Dalam Negeri sebab hal dalam negeri, tetapi bila pergi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dia kata ini bukan kuasa kami, ini kuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Jadi tolonglah selaraskan, kalau sudah ditubuhkan Kementerian ini, beri Menterinya, Timbalan Menterinya, Setiausaha Parlimennya, pegawai-pegawainya bekerja, beri mereka sepenuh-penuh kerja, janganlah beri sedikit sahaja nanti mereka goyang kaki sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Saya merayu kepada Kerajaan kaji semula mengenai fungsi-fungsi Kementerian yang berkenaan ini dan mana-mana yang berkaitan dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri sila salurkan ke Kementerian ini, yang di international itu biarlah keseluruhan yang berkaitan dengan international, kerana di sana pun ada banyak kerja sampai Menterinya saya sudah lama tidak jumpa dengannya kerana terlampau sibuk dengan hal ehwal international industry, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya hendak menyentuh sedikit dalam hal Kementerian Pendidikan pula. Kementerian Pendidikan, dalam buku ini Bab 5, tajuknya 'Pendidikan dan Latihan', rujukan paragraphnya ialah 5.77, 5.78, 5.79 muka surat 197. Perkara yang saya hendak sentuh di Kementerian Pendidikan ini ialah yang pertama di sini disebut, "bahawa pendidikan ini ada pra-sekolah..." ada banyak lagi, barangkali kawan-kawan saya sudah baca, saya tidak

mahu mengulanginya, cuma ada satu di situ yang disentuh, iaitu mengenai 'Pendidikan dan Latihan Tidak Formal Perenggan 5.78 ada menyebut begini: "Kerajaan akan menyediakan lebih banyak kemudahan bagi memenuhi permintaan, pendidikan seumur hidup. Sektor swasta akan juga digalakkan menyumbang kepada pendidikan dan latihan tidak formal ini, manakala Kerajaan akan terus menyediakan kemudahan tersebut sebagai sebahagian daripada usaha-usaha pembangunan. Sehubungan dengan ini pendidikan berterusan melalui pembelajaran jarak jauh akan dipertingkatkan." Syabas, tahniah!

Tuan Adam bin Kadir: Yang Berhormat boleh ringkaskan sedikit, sebab sudah dekat setengah jam.

Puan Ainon binti Ariffin: Baiklah. Saya ringkaskan sahaja. Mengenai Kementerian ini saya hendak menyentuh dua perkara sahaja, Tuan Yang di-Pertua, tutup buku. Yang pertama ialah mengenai pendidikan swasta. Kalau benar hendak beri kemudahan, mana-mana ada syarikat-syarikat atau institusi-institusi latihan kemahiran, komputer atau kejuruteraan atau lainnya tolonglah beri kerjasama, kerana ada juga yang berminat, yang sudah buat tetapi tidak dapat kerjasama sehingga ini, harap dapat kerjasama.

Perkara, yang terakhir ialah pendidikan. Pendidikan yang diberikan ialah berkaitan dengan rohaniah. Tuan Yang di-Pertua, pendidikan rohaniah di negara kita ini telah berjalan dengan baiknya, sangat-sangat dipuji. Tetapi Al-Arqam, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit mengenai peranan. Al-Arqam ini, banyak kali telah disentuh, tetapi kali ini saya hendak menyentuh satu taktik baru, perkembangan dan bagaimana Al-Arqam hendak

mengembangkan pengaruhnya. Lihat poster ini, ada pemberita? Poster ini menunjukkan Al-Arqam mengadakan satu konsep 'Nada Murni' dan kemudian mengadakan satu himpunan di dataran Sungai Penchala, ertinya mereka mengembangkan pengaruh-pengaruh Al-Arqam yang memang sudah dikenalpasti bercanggah dengan Islam yang murni, dengan cara-cara pendekatan yang ditukar taktiknya. Barangkali mereka meniru cara Yang Berhormat Dato' Dr. Suleiman Mohamed. Dato' Dr. Suleiman Mohamed melalui KWK telah membuat himpunan Ma'al Hijrah dengan tujuan pembinaan kepada kerohanian dan mengingati apa maksud Ma'al Hijrah. Tetapi mereka ini hendak mengembangkan secara yang demikian, tetapi kita tidak membuat konsep-konsep, terus direct kepada ceramah yang berkaitan dengan pembangunan rohaniah. Ini dibuat pula konsep, bila ada konsep ada 'ting tong-ting tong' ada muzik semua, mesti orang ramai datang, dan apabila orang ramai datang, maka dia akan masukkan pengaruh-pengaruh ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Al-Arqam ini telahpun pernah dikeluarkan fatwa untuk diharamkan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan tahun 1986, kalau saya tidak silap. Oleh kerana ketiadaan masa saya tidak dapat membacanya, hanya saya mintalah kepada pihak yang berwajib, saya akan menyentuh lagi perkara ini di lain-lain Akat.

Saya minta kepada Menteri yang berwajib iaitu dua Kementerian, yang pertama ialah Bahagian Hal Ehwal Agama lalam di Jabatan Perdana Menteri dan satu lagi Kementerian Dalam Negeri, tolong ambil perhatian sebelum ular-ular jadi naga, sebelum cicak-cicak membesar menjadi kura-kura, kerana kita bimbang kalau sudah terlalu besar nanti susah kita hendak membendungnya, kerana kalau ada akidah yang

tidak tepat kepada ajaran islam, jangan kita biarlah berleluasa. Kita bimbang satu puak akan, timbul pula dalam negara kita, mudah-mudahan Allah jauhkan dengan perkara-perkara yang demikian **ini**. Banyak fatwa telah dikeluarkan, banyak ceramah telah diadakan, banyak pesanan-pesanan telah dibuat oleh Dato' Dr. Haji Abdul Hamid kita, iaitu Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengenai Al-Arqam ini dan juga Kementerian Pendidikan pun pernah mengeluarkan siaran-siaran, jangan mereka itu didekati, suruh jauhkan diri, maka sekarang nampaknya mereka menggunakan taktik baru, haraplah dibendung. Kemudian ada pula ura-ura saya dengar mereka hendak buat himpunan di Dataran Merdeka.

Saya ingin mengingatkan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan juga Datuk Bandar, Tan Sri Elyas Omar supaya, berwaspada, awaslah dengan taktik baru Al-Arqam ini, kalau baik alhamdulillah, tetapi mereka sudah tentu apabila lulus jarum maka luluslah kelindan.

Tuan Yang di-Pertua, saya akhirilah hujah saya bagi menyokong Usul Rancangan Malaysia Keenam. Terima kasih.

Tuan Adam bin Kadir: Tuan Chong Chi Siong.

5.08 ptg.

Tuan Chong Chi Siong: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi satu peluang kepada saya bersama-sama dengan rakan-rakan Yang Berhormat membahaskan satu Usul iaitu Rancangan Malaysia Keenam yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum Rancangan Malaysia Keenam iaitu satu kesinambungan Rancangan Malaysia Kelima, untuk membangunkan negara dan memberi faedah kepada rakyat jelata, tidak kira parti Pembangkang dan segelintir insan yang berniat jahat sengaja memutar-belitkan kejayaan-kejayaan yang dicapai oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Matlamat Rancangan Malaysia berterusan telah membawa Malaysia ke satu tahap nombor lima negara termaju di antara negara-negara membangun. Kadar pertumbuhan ekonomi juga begitu menggalakkan dari semasa ke semasa.

Saya suka mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah dan syabas kepada pemimpin-pemimpin negara, kakitangan-kakitangan. Kerajaan juga seluruh rakyat jelata telah bekerjasama berganding, bahu, berdaya tahan untuk mencapai kejayaan yang begitu cemerlang.

Sekarang tibalah masanya kita bersama-sama bekerja lebih kuat lagi dengan semangat gigih, sikap toleransi, sopan-santun di antara satu sama lain untuk menuju ke arah Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang setuju dan memohon menyokong usul ini diluluskan dengan hujah-hujah yang dibangkitkan supaya dapat pertimbangan yang sewajarnya oleh Kementerian-kementerian. yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, percamanya saya suka. menyencuh cukai kepala binatang khinzir. Saya ingin menyentuh Bab XV mengenai masalah alam sekitar, khususnya Perenggan 15.51 yang mencadangkan bayaran cukai kepala akan dikenakan kepada binatang-binatang khinzir yang dipelihara dalam kawasan-kawasan penempatan semula yang mempunyai kemudahan menapis dan mengolah bahan buangan khinzir. Perkara ini telahpun disiarkan seluas-luasnya dalam akhbar Cina dan saya telah menerima banyak bantahan daripada Persatuan-persatuan Penternak binatang ini. Saya, ingin menyampaikan bantahan-bantahan ini untuk makluman Dewan ini.

Pertama, industri penternak binatang khinzir ini seperti yang dinyatakan dalam Perenggan 15.17 Laporan Rancangan Malaysia Keenam telah berjaya menghasilkan 211,000 tan daging pada tahun 1990 dan negara ini telah berjaya mengeksport daging ini ke Singapura dan lain-lain pasaran ASEAN. Negara ini telah mendapat keuntungan dari eksport ini berjumlah 1.5 million sebulan dan pengwujudan peluang pekerjaan. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini eksport daging ini telah mendapat persaingan sengit daripada negara Thailand dan Indonesia. Di samping itu, harga pasaran daging ini didapati tidak dapat memenuhi kos penternakan binatang khinzir di negara ini. Penternak sebenarnya mengalami kerugian dan nasib mereka perlu dipelihara. Jika cukai kepala dikenakan, beban ke atas penternak akan bertambah dan kos penternakan akan melambung tinggi. Negara

kita akan hilang daya saing dalam eksport daging ini ke pasaran luar negeri dan kemungkinan akan gagal mendapat pasaran langsung. Tambahan pula harga jualan daging ini akan naik yang akhirnya ditanggung juga oleh pengguna. Pendek kata, cukai kepala untuk khinzir akan memberi tamparan kuat ke atas industri tersebut. Pada masa ini, Jabatan Perkhidmatan Haiwan semasa mengeluarkan lesen kepada penternak binatang khinzir mengenakan bayaran lesen mengikut bilangan ekor penternak binatang ini ataupun mengikut luas kawasan kandang yang bergantung kepada negeri masing-masing. Bukankah ini satu bentuk cukai? Makanan mental binatang khinzir seperti saki-baki kacang dan lain pun telah dikenakan cukai oleh Kerajaan semasa diimport. Jika cukai kepala ini dikenakan lagi, maka penternak akan dikenakan cukai kepala, dua kali dan ini dirasakan tidak adil. Akhirnya, kos ini akan ditanggung oleh pengguna melalui harga yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, masalah pencemaran air sudah wujud di masa dahulu lagi dan sudah menjadi satu harapan di kalangan penternak. Masalah ini patut diselesaikan dengan seberapa cepat mungkin. Kerajaan pun sudah menyedari masalah ini sejak masa dahulu juga, tetapi lambat mengambil sebarang keputusan terhadap perkara ini, Keadaan bertambah teruk kerana tiada tindakan positif diambil. Cukai kepala ini akan dikutip tanpa sebarang perkhidmatan untuk menyelesaikan masalah ini yang sangat dikhuatiri oleh penternak sendiri, Cukai kepala yang dikutip semata-mata dijadikan sumber kewangan Kerajaan tanpa memberi perkhidmatan yang sempurna seperti memberi perparitan, kolam pengoksidasian, bekalan api dan air dan jalan tidak patut dilakukan.

Penternak khinzir ini kebanyakan adalah warisan turun-temurun dan berusaha secara kecilan dengan 300 hingga 500 ekor dengan tiada economies of scale, dengan izin. Jika cukai kepala dikutip, kebanyakan penternak terpaksa tutup kedai kerana tidak dapat mengimbangkan kos dan harga. Industri ini patut digalakkan, bukan dikenakan syarat sehingga ianya tidak boleh kembang. Di samping itu, Kerajaan tidak patut mengenakan cukai kepala ke atas binatang khinzir ini walaupun industri ini dikatakan mencemarkan alam sekitar. Inilah satu-satunya industri yang tidak pernah mendapat bantuan subsidi dari Kerajaan di masa dahulu. Kini timbalah masa penternak binatang khinzir ini hendaklah diberi bantuan subsidi sebagaimana penanam padi atau pekebun kecil. Di sini saya ingin meminta pihak EPU bersama-sama dengan, Jabatan Perkhidmatan Haiwan mengkaji semula cadangan ini yang membawa implikasi besar kepada masyarakat Cina di negara ini. Fikirkanlah nasib penternak khinzir dan pengguna—penggunanya seboleh-bolehnya cukai kepala ini digugurkan atau setidak-tidaknya ditangguhkan sehingga Kajian Semula Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keenam. Pihak-pihak berkenaan hendaklah mengadakan sesi dialog dengan Persatuan Penternak Binatang Khinzir sebelum melaksanakan apa-apa cukai baru.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyentuh tapak pembuangan dan pelupusan sisa-sisa toksik. Di bawah Perenggan 15.56 dalam Bab 15 mengenai alam sekitar telah menyentuh tentang hasrat menggalakkan pembangunan kemudahan pelupusan buangan untuk industri. Sehubungan dengan ini, saya ingin menarik perhatian kepada tapak pembuangan dan pelupusan sisa—sisa toksik yang dirancangkan di kawasan Bukit Nenas berdekatan dengan Jimah, Negeri Sembilan. Baru-baru ini penduduk di kawasan Bukit Nenas mendapat berita tempatnya telah dikenalpasti sebagai tapak pelupus sisa-sisa toksik untuk industri—industri di

seluruh Negeri Sembilan. Penduduk di sana membantahkan cadangan tapak pelupusan kerana kawasan Bukit Nenas adalah setengah batu sahaja jauh dari Kampung Jimah Lama, iaitu tempat kediaman yang padat. Kedua, lebih kurang 5 atau 6 batu jauh dari kawasan ternakan binatang khinzir yang terbesar di Malaysia iaitu Bukit Pelandok. Siapakah dapat menjamin pelupusan sisa-sisa toksik? Tiada bahaya kebocoran dan mengancam kesihatan manusia, binatang dan tumbuhan-tumbuhan. Saya ingin memaklumkan Dewan ini bahawa penduduk di Jimah pada masa ini telah melancarkan satu kempen mendapat tandatangan memorandum bantahan dan menyeru bantahan mereka melalui Persatuan Pertubuhan Sukarela dan parti politik termasuk parti Pembangkang.

Justeru itu saya ingin menyarankan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar supaya tidak meneruskan cadangan menjadikan kawasan Bukit Nanas sebagai tapak pelupusan. Tindakan yang patut diambil sekarang ialah pihak-pihak berkenaan mendengar pandangan-pandangan dari penduduk setempat, Kerajaan harus peka dan sensitif kepada permintaan rakyat. Persetujuan dari mereka amatlah perlu sebelum Kerajaan meneruskan langkah menjalankan kajian kesan alam sekitar atau environmental impact assessment (EIA) yang terperinci ke atas tapak yang berkenaan. Adalah terlalu lewat pandangan orang ramai diminta setelah Laporan EIA disiapkan pada bulan November **ini**. Penduduk di sana tidak dapat bersabar menunggu hingga bulan November untuk, menyuarakan bantahan kerana, mereka hidup dalam kegelisahan. pada masa ini.

Tuan Yang di—Pertua, saya juga menyentuh masalah tempoh visa untuk pelawat-pelawat Republik Rakyat China ke Malaysia. Sejak tahun lepas Kerajaan telah memberi kelonggaran kepada iawacan ke Republik Rakyat China (RRC) dan lawatan wakil negara RRC ke Malaysia. Langkah ini telah memberi nafas baru dalam industri pelancongan di Malaysia. Kini rakyat kedua buah negara telah berpeluang melawat saudara mara masing-masing. Di bawah peraturan lawatan untuk wakil negara RRC yang sedia ada, antara lain telah mensyaratkan visa lawatan hanya diberi selama 20 hari dan sebarang

lanjutan boleh dipertimbangkan. Peraturan inilah yang telah banyak memberi kesusahan kepada wakil negara RRC dan penajanya di Malaysia. Tempoh 20 hari telah didapati pendek oleh kebanyakan wakil negara RRC yang telah melawat Malaysia dan kebanyakan dari mereka telah memohon lanjutan tempoh masa visa untuk seminggu, dua minggu dan kadangkala sebulan atas sebab-sebab tertentu. Pemohonan lanjutan masa ini hatinya boleh dibuat setelah mereka berada di Malaysia. Inilah memberi kesusahan kepada pelawat dari RRC dan penajanya kerana ada yang tidak faham cara permohonan lanjutan masa dan ada yang terlalu sibuk menemui saudara mara sehinggakan tidak memikirkan lanjutan masa. Bagi mereka yang tinggal di luar Kuala Lumpur ada lagi mereka yang kurang faham tentang prosedur permohonan lanjutan visa diserahkan kepada agensi pelancongan dan biasanya bayaran dikenakan beratus-ratus ringgit, kadangkala hingga \$1,000 mengikut jumlah hari visa dapat dilanjutkan.

Perkara ini telah menimbulkan rasa tidak puas hati akan cara agensi mengendalikan permohonan mereka yang mengeksploitasikan pelawat-pelawat RRC dan penaja yang kurang faham dengan prosedur. Kebanyakan kes permohonan lanjutan masa pula dibuat pada saat-saat terakhir dan ini memberi kesulitan bukan sahaja kepada Bahagian 'A', Kementerian Dalam Negeri untuk memprosesnya tetapi juga pelawat RRC yang pula menukar jadual penerbangan balik sekiranya mendapat lanjutan masa.

Saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan supaya memberi visa lawatan yang lebih panjang lagi iaitu daripada 20 hari kepada 2 bulan untuk visa kepada rakyat RRC datang ke negara ini untuk tujuan

nenemui saudara mara. Kita tahu kebanyakan yang datang ini telah berusia dan mereka mempunyai ramai saudara mara di sini. Berilah kesenangan kepada mereka untuk melawat negara ini lebih lama lagi. Dengan visa dua bulan ini maka beban mereka di sini akan kurang dan tidak perlu menunggu dengan hati tidak senang untuk kelulusan lanjutan masa. Industri pelancongan negara kita ini juga akan mendapat faedah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin jugalah menyentuh masalah kekurangan guru di Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Baru-baru ini telah berlaku masalah kekurangan guru yang serius di Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina sehinggakan ianya terus mengancam kewujudan SRJK(C) ini. Adalah difahamkan guru SRJK(C) di seluruh negara berkurangan seramai 4,000 orang. Masalah ini bertambah teruk hari demi hari apabila pihak sekolah gagal mendapat sambutan untuk iklan Guru Sementara di suratkhbar dan dengan papan tanda kerja kosong yang digantungkan di pagar. Jawatan Guru Sementara menang tidak popular kerana tiada jaminan kerjaya. Dengan kekurangan guru kebanyakan kelas yang tidak ada guru telah dijadikan pesta oleh pelajar-pelajar dan masa pembelajaran mereka dibazirkan begitu sahaja. Masalah ini jika tidak diatasi segera akan menjejaskan kualiti guru dan menyebabkan mutu pengajaran di SRJK(C) terus merosot.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya masalah kekurangan guru di SRJK(C) telah lama wujud tetapi Kerajaan masih belum dapat menyelesaikan. Saya ingin menyarankan beberapa jalan penyelesaian ke atas perkara ini.

Yang pertama, Kerajaan memikirkan semula pembukaan Kursus Dalam Cuci sebagai satu jalan mengatasi masalah ini, cara ini akan dapat menjamin guru yang terlatih sahaja di hantar ke sekolah.

Kedua, guru-guru sandaran yang ada sekarang dibenarkan untuk mengikuti Latihan Perguruan dan mereka ini akan dilantik secara berperingkat-peringkat bermula daripada mereka yang berusia lebih dari 30 tahun dahulu. Sebenarnya ramai daripada mereka ini telah memohon tahun demi tahun tetapi tidak berjaya hinggan usia mereka telah melebihi had umur yang ditetapkan dan hilang harapan untuk terus memohon.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, saya juga menyentuh masalah peluang penglibatan bukan bumiputera dalam projek-projek yang dilaksanakan oleh PETRONAS dan Tenaga Nasional Berhad. Mengikut Rancangan Malaysia Keenam, Kerajaan Persekutuan dan perusahaan awam bukan kewangan akan membelanjakan kira-kira dua kali ganda dari Rancangan Malaysia Kelima dan sebahagian besar perbelanjaan ini akan dilakukan oleh PETRONAS iaitu \$10.8 ribu juta dalam projek-projek petroleum dan gas dan Tenaga Nasional Berhad iaitu \$11,000 juta untuk penjana kuasa. Dalam hubungan ini saya ingin menyeru pihak yang berkenaan agar lebih saksama membahagi-bahagikan projek-projek yang akan dilaksanakan di antara kaum di negara ini.

Saya difahamkan bahawa dalam lima tahun yang lepas, PETRONAS telah melaksanakan kira-kira 5,000 projek petroleum dan gas bernilai Lebih kurang \$15,000 juta di mana tidak lebih daripada 1,000 projek dengan nilai tidak lebih daripada \$1,000 juta diberi kepada bukan bumiputera.

Penglibatan bukan bumiputera amat kecil sekali iaitu lebih kurang 20% dan lebih mengecewakan ialah peratusan penglibatan jauh lebih rendah dengan orang asing. Keadaan ini patut diperbetulkan oleh PETRONAS dan pemberian projek-projek yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata yang tersebut di atas, sukalah saya sekali lagi memohon menyokong usul Rancangan Malaysia Keenam diluluskan. Terima kasih.

Tuan Adam bin Kadir: Silakan Yang Berhormat Tuan Douglas.

5.30 ptg.

Tuan Douglas Sullang Anak Ganda: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, dengan peluang ini saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Barisan Nasional kerana telah berjaya merangka, mengurus, merancang dan membentangkan Rancangan Malaysia Keenam ini.

[Puan Ainon binti Ariffin **mempengerusikan Mesyuarat**]

Puan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Keenam dengan peruntukan \$55 ribu juta ini adalah bukti nyata keazamaan Kerajaan Barisan Nasional membangunkan negara untuk membasmikan kemiskinan dan mengurangkan ketidakseimbangan di antara negeri-negeri dan ke arah membentuk negara yang bersepadu, aman dan makmur sebagai asas pencapaian Wawasan 2020.

Puan Yang di-Pertua, sebagai rakyat yang berasal dari luar bandar, saya mengalu-alukan peruntukan yang berjumlah \$9.019 juta untuk pertanian dan pembangunan di luar bandar. Semua ini adalah untuk membasmikan kemiskinan dan mengurangkan kesan kemiskinan serta meningkatkan taraf kehidupan rakyat di luar bandar yang masih jauh tertinggal dari arus pembangunan.

Bagi rakyat miskin termasuk 143,000 keluarga termiskin, Rancangan Malaysia Keenam memberi harapan dan nafas baru. Dengan komitmen Kerajaan Barisan Nasional membasmi kemiskinan dan penekanan kepada golongan termiskin, mereka gembira dan tidak hampa atas sokongan mereka kepada Barisan Nasional dalam pilihanraya yang lepas. Bagi mereka Kerajaan Barisan Nasionallah yang menyelamatkan dan memberi harapan kepada masa depan mereka. Kepada Kerajaan Barisan Nasionallah mereka menyerahkan segala nasib masa depan mereka.

Walaupun kadar kemiskinan di negeri Sarawak telah menurun kepada 21%, sebahagian besar rakyat luar bandar di Sarawak masih menghadapi kesulitan hidup ataupun boleh dikatakan miskin. Walaupun hanya 23,000 keluarga telah ditafsirkan sebagai golongan miskin di negeri Sarawak, saya percaya ramai lagi keluarga di kawasan pedalaman mungkin layak ditafsirkan sebagai golongan termiskin.

Puan Yang di-Pertua, apa yang saya hendak tekankan di sini ialah masalah kajian dan ketidakuajudnya perangkaan yang tepat dan lengkap bagi negeri Sarawak. Oleh yang demikian, maka apa-apa tafsiran rasmi mungkin lebih rendah dari keadaan sebenarnya.

Puan Yang di-Pertua, maklumbalas yang tepat adalah penting untuk menentukan sama ada sesuatu dasar Kerajaan berkenaan ataupun tidak. Malangnya dalam Rancangan Malaysia Keenam ataupun RRJP2, kebanyakan perangkaan penting bagi negeri Sarawak tidak wujud. Misalnya, tidak ada angka menunjukkan prestasi dan pencapaian suku-suku kaum seperti kaum Iban, Bidayuh, Orang Ulu dalam bidang perniagaan, perindustrian atau kedudukan mereka di dalam badan awam. Begitu juga tidak ada angka menunjukkan kadar kemiskinan mereka. Semua angka untuk mereka dikumpulkan dalam satu kumpulan

iaitu bumiputera. Maka apa-apa ketidakseimbangan yang wujud di antara suku kaum bumiputera pasti tidak dapat dikesan. Ini akan mewujudkan masalah di mana pihak berkenaan tidak menyedari keadaan sebenarnya. Dalam keadaan begitu mereka pasti tidak merumus atau mengubah dasar dan pelaksanaan yang akan mengurangkan apa-apa ketidakseimbangan yang wujud di antara suku-suku kaum. Maka ia boleh mencetuskan perasaan yang tidak sihat yang boleh menjejaskan perpaduan kaum di negara ini.

Puan Yang di-Pertua, dalam pandangan saya, ini satu kelemahan yang mesti dibetulkan dalam usaha kita menilai kesan Dasar Pembangunan Nasional dan Rancangan Malaysia Keenam. Oleh yang demikian, saya merayu supaya Kerajaan mengkaji keadaan dan kedudukan sosio-ekonomi suku-suku kaum bumiputera di negeri Sarawak dan menyediakan perangkaan berasingan seperti apa yang telah dibuat untuk kaum bumiputera di mana perangkaan sosio-ekonomi bagi kaum Cina dan India diasingkan. Maka dengan itu, jelaslah bahawa kaum India lebih ketinggalan. Kalaulah angka-angka masih dikumpul bagi bukan bumiputera, maka ketidakseimbangan tidak begitu jelas.

Puan Yang di-Pertua, rakyat miskin di luar bandar di negeri Sarawak masih jauh ketinggalan di semua bidang. Misalnya pada tahun 1990, manakala 82% daripada isirumah miskin di Semenanjung Malaysia menikmati kemudahan elektrik, di Sarawak pula kurang dari 50%. Dari segi bekalan air paip, manakala 57% isirumah miskin di Semenanjung Malaysia menikmati bekalan air paip, tetapi di Sarawak kurang dari 15% isirumah miskin menikmati bekalan air paip.

Liputan bagi kemudahan pendidikan ialah 94% dari segi isirumah miskin di Semenanjung Malaysia dan hanya 64% di Sarawak menerima

bantuan buku teks. Dari segi kemudahan kesihatan pula, kira-kira 70% golongan miskin di Semenanjung Malaysia dan hanya 20% di negeri Sarawak tinggal dalam jarak 5 kilometer daripada klinik desa. Angka-angka ini jelas menunjukkan bahawa ketidakseimbangan yang tidak sihat masih ketara wujud di negara kita.

Dalam pandangan saya, isu dan masalah ini adalah isu masalah utama yang mesti dibetulkan dalam Rancangan Malaysia Keenam. Dalam perkataan lain, apa-apa ketidakseimbangan yang wujud mestilah dibetulkan dengan seberapa segera. Ini jelas bermakna peruntukan %32 ribu juta untuk negeri Sarawak tidak mencukupi, ianya harus ditambah.

Puan Yang di-Pertua, maka pada hari ini saya mencadangkan peruntukan kepada golongan termiskin untuk negeri Sarawak hendaklah ditambah. Di sini saya juga ingin tahu berapakah jumlah peruntukan untuk golongan termiskin diberi kepada negeri Sarawak.

Peruntukan air paip dan elektrik untuk luar bandar di negeri Sarawak diberi dengan jelas iaitu kepada kawasan bandar dan kampung—kampung dan rumah-rumah panjang. Ini perlu untuk memastikan bahawa apa yang diberikan kepada kampung-kampung dan rumah-rumah panjang tidak dipindahkah kepada bandar-bandar kecil.

Puan Yang di-Pertua, saya faham Kerajaan akan menambah kelas bimbingan kanak-kanak ataupun kindergarten. Saya merayu kepada KEMAS ataupun Jabatan Pendidikan mengadakan kelas tersebut di rumah-rumah panjang di negeri Sarawak. Setakat sekarang yang saya boleh katakan, kelas tersebut tidak wujud di kawasan pendalaman, di rumah-rumah panjang di negeri Sarawak. Kekosongan ini memang mtnjadi. kerugian besar kepada anak-anak di rumah panjang dan di kampung—kampung kecil di luar bandar. Anak-anak ini hanya mendapat pendidikan apabila mereka memasuki darjah satu di dalam usia 7 tahun. Sepatutnya mereka harus dididik apabila usia mereka menjangkau 5 tahun seperti anak-anak di bandar ataupun berhampiran dengan kelas kindergarten. Inilah satu faktor yang menyebabkan kemunduran pelajar—pelajar di luar bandar. Oleh yang demikian, masanya telah tiba bagi Kerajaan di Jabatan berkenaan untuk menubuhkan kelas ora-sekolah di rumah—rumah panjang.

Puan Yang di-Pertua, bentuk kelas ini perlu dikaji kerana mustahil bagi anak-anak yang berusia 5 tahun di hantar ke asmara-asrama. [Ketawa] Maka saya bercadang. Kerajaan mengadakan kelas bergerak.....

Puan Ainon binti Ariffin: Ahli Yang Berhormat, kalau di hantar ke asmara, lain perginya.

Tuan Douglas Sulang anak Ganda: Minta maaf. Maka saya mencadangkan supaya Kerajaan mengadakan kelas bergerak, di mana guru-guru boleh melawat rumah-rumah panjang berkenaan sekali seminggu atau kerap kali dan dengan mengadakan kelas dengan cara **ini**, sekurang-kurangnya anak-anak yang berusia 4 atau 5 tahun boleh didedahkan kepada pendidikan seperti anak-anak yang dibandar.

Akhirnya, Puan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai petani di kebun-kebun lada hitam di Sarawak. Saya mencadangkan supaya Kerajaan memberikan baja kepada petani-petani lada hitam di kawasan luar bandar, khasnya semasa harga lada hitam jatuh ke paras ongkos pengeluaran seperti sekarang. Harga lada putih di paras \$300.00 dan lada hitam di paras \$200.00 bagi 100 kilogram. Seperti sekarang, maka hasil itu tidak mencukupi menampung harga ongkos untuk membeli baja, racun dan lain-lain. Oleh yang demikian, petani-petani miskin tidak mampu menyara kebun-kebun mereka. Kita telah menyaksikan pada awal tahun 1980an, di mana harga lada jatuh begitu rendah dan ramai petani-petani meninggalkan tanaman mereka dan akhirnya kebun lada itu musnah. Apabila harganya tiba-tiba naik ke paras \$1,000 bagi 100 kilogram, mereka ini tidak dapat menikmati hasil yang baik kerana kebun lada mereka telah musnah.

Maka tujuan saya mencadangkan ini adalah untuk membantu petani mengekalkan taraf hidup di atas paras PGK. Dengan ini saya mencadangkan agar Kerajaan membantu petani menyarakan kebun-kebun mereka di masa harga rendah dahulu dan dengan bantuan itu, saya yakin mereka berupaya menjaga kebun mereka dalam jangka masa harganya jatuh. Ini mengelakkan kebun-kebun mereka dimusnahkan dan apabila harga naik, mereka dapat menikmati hasil dari harga yang lumayan.

Puan Yang di-Pertua, maka dengan hujjah-hujjah yang begitu ringkas, saya sekali lagi ingin menyokong penuh atas usul Rancangan Malaysia Keenam ini. Sekian, terima kasih.

Puan Ainon binti Ariffin: Ramai yang berminat, kalau begitu saya persilakan Yang Berhormat Puan Asmah.

5.46 ptg.

Puan Hajjah Aamah binti Haji Ismail: Terima kasih, Puan Yang di-Pertua, kerana telah memberi peluang kepada saya untuk bersama-sama membahaskan Usul Rancangan Malaysia Keenam yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada 1.8.1991 semalam di Dewan yang mulia ini.

Puan Yang di-Petua, saya mulakan ulasan saya dengan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad yang mana telah berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk faedah rakyat jelata di Malaysia ini dengan mengemukakan Rancangan Malaysia Keenam dan seterusnya Wawasan 2020. Dari segi agama Islam pun, rancangan ini sangatlah baik kerana ia memberi pertolongan kepada segenap Lapisan masyarakat di negara ini dengan tidak melebihkan atau membezakan di antara sesuatu pihak atau kaum.

Puan Yang di-Pertua, izinkan saya mengulas sedikit berhubung dengan Jabatan Kerja Raya yang mana Jabatan inilah yang membelanjakan wang negara dengan begitu banyak menerusi pelaksanaan projek-projek pembangunan seperti membuat bangunan-bangunan sekolah, bangunan hospital, pejabat-pejabat Kerajaan, kolam air, jalan raya, jambatan dan berbagai-bagai lagi. Oleh itu saya berharap pegawai-pegawai yang bertanggungjawab di negeri-negeri dan di daerah-daerah di dalam Jabatan Kerja Raya ini mestilah bersikap sayangkan kepada negara ini dengan membelanjakan wang negara seolah-olah wangnya sendiri, supaya tidak terlalu membazir. Begitu juga dengan mutu pelaksanaan tiap-tiap projek itu hendaklah mencapai ke tahap hampir

100% baik. Saya bukanlah hendak menuduh Jabatan ini melakukan penyelewengan di dalam urusan-urusannya, tetapi sekadar memberikan pandangan dan nasihat demi kebaikan negara ini.

Puan Yang di-Pertua, menyentuh sedikit dengan jalanraya dari Bentung, Pahang - Gua Musang, Kelantan melalui Raub dan Kuala Lipis, saya difahamkan iaitu jalan tersebut akan dilaksanakan projek-projek membaiki dan melebarkan jalan itu di dalam Rancangan Malaysia Keenam ini. Saya berharap sangat supaya projek ini akan dapat diberi keutamaan, kerana pada masa ini jalan tersebut telah menjadi jalan utama dari Kuala Lumpur ke Kota Bharu, Kelantan dan sebaliknya dengan kenderaan yang begitu banyak sekali melalui jalan tersebut, siang dan malam.

Puan Yang di-Pertua Rancangan Malaysia Keenam ini bertambah banyak kebaikannya daripada Rancangan Malaysia Kelima yang telah berakhir pada tahun 1990 yang lalu. Di antara kebaikannya ialah kita mendapati Kerajaan menumpukan perhatian utama kepada pembasmian kemiskinan di kalangan rakyat yang termiskin. Kerajaan, menerusi dasarnya menggalakkan industri-industri kecil dan sederhana di kawasan luar bandar dan pendalaman. Keutamaan kepada kajian saintifik dan teknologi dan dengan ini saya berpendapat Kerajaan seharusnya mengawasi perkara-perkara yang tidak diingini seperti kurang amanah dalam urusan kewangan dan memastikan keuntungan tidak dibolot oleh segelintir individu akibat penswastaan.

Kerajaan seharusnya berhati-hati di dalam Rancangan Malaysia Keenam ini dengan mengemaskinikan mana-mana yang kekurangan, memandangkan ekonomi negara akan mengalami perubahan yang hebat di dalam masa 5 tahun yang akan datang ini kelak.

Puan Yang di-Pertua, menyentuh sedikit berhubung dengan ekonomi bumiputera yang tajuknya berbunyi: 'Perjuangan Ekonomi Ke Arah Tahun 2000 dan Sesudahnya'.

Saya suka menarik perhatian semua pihak iaitu Dasar Ekonomi Baru yang telah diasaskan pada tahun 1970 dahulu iaitu yang telah 20 tahun berlalu dengan tujuan untuk mencapai tahap 30% aktiviti perniagaan bumiputera telah gagal mencapai matlamat itu. Sekarang, sebagai penyambung Dasar Ekonomi Baru Yang Kelima, ditonjolkan pula Dasar Ekonomi Baru Yang Keenam iaitu bermula dari pada tahun 1991 hingga tahun 1995 untuk mencapai tahap ekonomi bumiputera kepada 50% sekurang-kurangnya.

Selepas tahun 1995 nanti, kaum bumiputera hendaklah bersedia menerima cabaran yang paling hebat sekali iaitu bidang, aktiviti ekonomi bumiputera dengan tidak berasa was-was dan segan—segan lagi yang akan bersaing dengan semua kaum di negara **ini**.

Kelemahan ekonomi bumiputera yang ada sekarang ini ialah hasil dari penjajahan British yang selama 100 tahun di negara ini yang mana tidak langsung menggalakkan orang-orang Melayu khususnya mengambil bahagian dalam perniagaan. Hasil dari dasar ini, orang-orang Melayu memilih jalan yang mudah iaitu kerja makan gaji sahaja di tempat yang terjamin.

Puan Yang di-Pertua, dengan ini saya berharap pemimpin-pemimpin yang ada sekarang ini dan juga pemimpin-pemimpin pelapis yang akan datang kelak iaitu golongan pelapis muda hari ini hendaklah bangun mengatur langkah kepada persediaan dan membaharui azam dan cara berfikir yang bersesuaian dengan kehendak-kehendak masa ini dan masa hadapan yang lebih penuh cabaran terutama dalam bidang ekonomi negara dan bangsa Melayu khususnya.

Puan Yang di-Pertua, dalam mengalu-alukan Wawasan 2020 yang mana telah dibentangkan di Parlimen oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad pada 17 Jun 1991 yang lalu, saya berpendapat setiap lapisan masyarakat penduduk di negara ini hendaklah faham betul-betul dan menerima konsep Wawasan 2020 ini sebagai cabaran hidup di masa yang akan datang di mana kita ketahui yang menjadi pelopor Wawasan 2020 ini ialah Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri yang kita kasihi.

Apa yang ditakuti, jika semua pihak tidak menghayati sepenuhnya Wawasan 2020 ini, khasnya pemimpin-pemimpin muda kita yang akan menjadi pelapis pemerintah yang akan datang, apa akan jadi jika Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad berundur atau bersara daripada politik? Jangan pula Wawasan 2020 akan ikut sama bersara. Dengan sebab itu, jika Wawasan 2020 ini hendak mencapai matlamat seperti yang digariskan, hendaklah kita bersama-sama membentuk masyarakat yang berjiwa maju, dinamik dan bertoleransi antara semua kaum di negeri ini.

Sekianlah, Puan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong penuh Usul Rancangan Malaysia Yang Keenam yang dibahaskan pada hari ini. Sekian, terima kasih.

Puan Ainon binti Ariffin: Saya persilakan Yang Berhormat Encik Ghazali.

5.58 ptg.

Tuan Ghazali bin Haji Embong: Bismillahir-rahmanir-rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Salam sejahtera.

Puan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Puan Yang di-pertua kerana telah memberi peluang kepada saya untuk berucap bagi membahaskan dan menyokong Usul Rancangan Malaysia Keenam yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Saya ucap tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat dan tidak lupa juga saya mengucapkan tahniah kepada pegawai-pegawai yang terlibat.

Puan Yang di-Pertua, saya baru dilantik sebagai seorang Senator di Dewan Negara yang mulia ini ingin memberikan pandangan dan ulasan bagi menyokong Usul Rancangan Malaysia Yang Keenam.

Saya berharap agar berbagai program pembangunan yang telah dirancangan oleh Kerajaan itu dapat berjalan dengan lancar tanpa gagal dan ianya hendaklah menjadi kenyataan supaya Malaysia dapat menjadi salah sebuah negara maju seperti yang dicita-citakan oleh kita semua.

Perancangan yang rapi mestilah diikuti dengan pelaksanaan, pelaksanaan padu dan berkesan tanpa campurtangan politik dan birokrasi yang membebankan. Kerajaan hendaklah mengawal dan mengikut perkembangan pembangunan tersebut dari masa ke semasa supaya ianya berjalan mengikut landasan seperti yang dirancangan. Oleh itu Kerajaan mestilah tegas untuk melaksanakan setiap program pembangunan tanpa mengira pelbagai faktor remeh-temeh yang akan ditimbulkan oleh badan-badan pelaksana. Tindakan disiplin hendaklah diambil ke atas pegawai-pegawai berkuasa sekiranya mereka gagal menyiapkan sebarang projek mengikut jangka waktu yang ditetapkan.

Kerajaan hendaklah melaksanakan strategi am seperti mempelbagaikan asas perindustrian, meningkatkan pembangunan sumber manusia, menggalakkan peningkatan teknologi, mengurangkan ketidakseimbangan struktur antara sektor dan wilayah. Kemudian diikuti dengan strategi makro seperti meningkatkan kecekapan dan daya saing serta menggalakkan penyertaan sektor swasta, memperkukuhkan dan mengurangkan penyertaan langsung sektor awam, peraturan yang liberal di sektor pelancongan dan pembuatan, penggunaan teknologi pengeluaran lebih canggih dan memperkukuhkan pasaran kewangan dan modal serta meningkatkan tabungannya. Persyarikatan dan penswastaaan Malaysia telah membuahkan hasil dan pulangan yang menguntungkan.

Akhir sekali, sebagai menyokong Usul Rancangan Malaysia Keenam ini, saya ingin memberikan pandangan-pandangan tambahan.

Pertama, Kerajaan hendaklah mengagih-agihkan kekayaan negara secara adil dan saksama dengan penyelarasan pembangunan dilaksanakan di semua negeri di Malaysia ini tanpa tumpuan di negeri-negeri tertentu sahaja. Dengan itu kestabilan ekonomi, sosial dan politik dapat dicapai sepenuhnya.

Kedua, bagi meningkatkan kualiti hidup generasi sekarang dan akan datang, Kerajaan hendaklah mengambilkira pengurusan yang cermat ke atas sumber semulajadi, ekologi dan pemeliharaan keindahan alam sekitar.

Ketiga, rakyat hendaklah direvolusi mentalkan dengan pembentukan nilai, moral dan etika yang tinggi serta bersikap positif, aktif, praktikal, produktif dan berfikiran luas serta terbuka.

Dengan itu Malaysia akan dapat melahirkan satu masyarakat yang bertanggungjawab, bersih, cekap, amanah, progresif dan penyayang. Tindakan keras dan tegas mestilah diambil ke atas sebarang bentuk penipuan, penyelewengan, penyalahgunaan kuasa dan rasuah tanpa memilih bulu.

Sekianlah ucapan sulung saya di Dewan Negara yang mulia ini bagi menyokong usul Rancangan Malaysia Keenam. Sekian, terima kasih, Puan Yang di-Pertua.

Puan Ainon binti Ariffin: Saya persilakan Yang Berhormat Puan Kalthom binti Haji Othman.

6.01 ptg.

Puan Kalthom binti Haji Othman: Bismillahir-rahmanir-rahim.

Terima kasih saya ucapkan kepada, Puan Yang di-Pertua serta tahniah kerana diberi kepercayaan untuk memimpin Dewan kita yang Mulia ini.

Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih khusus kepada Kerajaan Kelantan yang telah memberi kepercayaan kepada saya menyebabkan saya berada di dalam Dewan yang mulia ini. Saya juga tidak ketinggalan mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang mana bekerjaaama memberi tunjuk ajar kepada saya kerana saya sebagai orang yang baru dan disamping itu saya dengan rasa rendah diri bersedia untuk menerima kritik ataupun teguran yang membina khususnya daripada Puan Yang di-Pertua lantaran saya seorang yang baru berada dalam Dewan yang mulia ini.

Puan Ainon binti Ariffin: Terima kasih kembali dan insya Allah.

Puan Kalthom binti Haji Othman: Alhamdulillah, kita bersyukur kepada Allah subhanahu wataala kerana di petang dan di Dewan yang mulia ini kita sama-sama berada dalam satu program yang (membincangkan usul yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat

Berhormat ataupun disusun oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah merangkakan Rancangan Jangka Panjang Kedua demi untuk kepentingan dan kebaikan rakyat Malaysia dan Rancangan Malaysia Keenam dapat memenuhi hasrat Kerajaan dalam merangka sesuatu rancangan dengan penuh keadilan dan kesedaran.

Hasrat Kerajaan ingin membawa rakyat kepada pembentukan jasmani dan rohani adalah baik, tetapi setakat apa yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Keenam ini, kita tidak nampak minat yang konkrit untuk mengenalkan roh Islam kepada lima tahun itu. Dalam peruntukan pendidikan Kolej Tunku Abdul Rahman mendapat peruntukan \$20 juta dalam Rancangan Malaysia Keenam ini. Peruntukan ini satu kenaikan yang sangat ketara dibandingkan dengan cuma \$2 juta dalam Rancangan Malaysia Kelima dahulu. Kita tidak membantah peruntukan ini yang kiranya boleh menyumbangkan matlamat melahirkan masyarakat yang berilmu yang nanti akan memberi manfaat kepada negara dan masyarakat Malaysia.

Cuma ingin saya ingatkan bahawa peruntukan ini tidak sekali-kali dibuat untuk memenuhi sesuatu kaum bagi menaikkan semangat sentimen perkauman di kalangan masyarakat majmuk di Malaysia ini. Kita sentiasa menentang sebarang kegiatan yang menyuburkan sentimen perkauman baik datangnya dari mana-mana pihak atau parti politik. Oleh itu, kita ingatkan peruntukan jangan sampai menyuburkan sentimen perkauman yang sesungguhnya masih belum berjaya dipadamkan oleh Kerajaan seratus peratus selaras dengan Dasar Pembangunan Nasional yang tergaris dalam Rancangan Malaysia Keenam.

Puan Yang di-Pertua, kita mempunyai harapan yang tinggi kepada Kolej Tunku Abdul Rahman untuk memanfaatkan peruntukan itu demi memupuk masyarakat yang berilmu dan sesungguhnya Allah akan

mengangkat darjat sesuatu bangsa apabila masyarakat itu cintakan ilmu.

Puan Yang di-Pertua, sehubungan dengan **ini**, saya mengingatkan Kerajaan supaya jangan mengabaikan peranan mengenalkan tulisan Jawi di sekolah-sekolah yang kita tahu tidak begitu tersebar. Juga unsur-unsur pengetahuan Islam kepada mana-mana pelajar di negara ini khususnya mereka yang mendapat peruntukan dari Rancangan Malaysia Keenam seperti Kolej Tunku Abdul Rahman **itu**.

Adalah mustahak pihak pelajar di negara ini mengetahui pengetahuan Islam bagi memudahkan mereka menjalini rasa persefahaman di antara lain-lain anggota masyarakat di negara **ini**. Dengan pengetahuan Islam yang mereka pelajari, sekalipun mereka tidak menjadi orang Islam, ia dapat membantukan mereka menjauhan hal-hal yang, boleh merenggangkan mereka dengan masyarakat-masyarakat lain. Dengan demikian, mereka lebih mengenali kehidupan manusia yang sebenarnya.

Puan Yang di-Pertua, apakah peruntukan \$20 juta itu wajar ataupun belum mamadai, terserahlah kepada penerimaan masyarakat, tetapi pemberian itu sesungguhnya dibuat untuk meredakan masalah. Bagaimanapun, masih ada pihak yang belum mendapat perhatian dari Kerajaan **iaitu** sekolah-sekolah agama rakyat dan pondok-pondok yang begitu banyak menyumbangkan bakti dan jasa kepada agama, masyarakat, negara sebelum dan sesudah merdeka.

Sebenarnya sumbangan sekolah seperti inilah yang mengekalkan Malaysia sebagai masyarakat Islam yang kita lihat di hari **ini**. Kedatangan penjajah barat ke rantau ini lima kurun yang lalu adalah untuk memburu orang-orang Islam dengan tujuan menghancurkan Islam. Protugis dan Sepanyol tiba ke Melaka dan Filipina dahulu adalah rangka mereka memburu orang-orang Islam, tetapi Alhamdulillah, di Malaysia khususnya di Semenanjung, Portugis gagal untuk mengubahkan

agama dan rakyat kita kekalkan Islam.

Rahsianya, peranan besar yang dimainkan oleh pondok-pondok dan sekolah-sekolah agama rakyat dalam mengukuhkan akidah Islam yang begitu subur ketika itu. Sekolah ini dan pelajar-pelajar yang dilahirkannya telah berjaya mempertahankan Islam sebagai agama, rakyat dan negara, tetapi malangnya sekolah seperti ini tidak mendapat sebarang peruntukan yang lebih baik dalam Rancangan Lima Tahun sebelum Malaysia dibentuk hinggalah ke Rancangan Malaysia Kelima.

Dalam Rancangan Malaysia Keenam ini pun kita tidak nampak adanya peruntukan yang lebih baik. Jika ada bantuan Kerajaan untuk sekolah ini selama ini pun ianya datang daripada Majlis-majlis Agama Islam di negeri-negeri itu sendiri. Tidak dinafikan Kerajaan mempunyai sekolah agamanya tersendiri, tetapi apakah sumbangan Rancangan Malaysia Keenam dapat membantu sekolah itu yang kian mendapat perhatian rakyat sekarang.

Jika kita meneliti permohonan murid sekolah rendah untuk memasuki sekolah menengah hujung tahun 1990, sekitar 33,000 murid memohon masuk ke sekolah menengah agama di seluruh negara, cuma Lebih kurang 3,900 yang berjaya diterima, sekitar 29,000 lagi terpaksa belajar dalam aliran biasa ataupun keluar daripada sekolah Kerajaan lalu masuk ke sekolah agama rakyat.

Puan Yang di-Pertua, perkembangan seperti inilah yang menyebabkan ibubapa terpaksa menghantar anak-anak mereka ke sekolah agama rakyat. Justeru itu belum lewat masanya Rancangan Malaysia Keenam untuk membuat peruntukan tambahan supaya sekolah agama rakyat diberi bantuan yang sewajarnya. Dalam melaksanakan bantuan ataupun peruntukan, pengagihan peruntukan hendaklah berjalan dengan adil.

Andainya tidak, maka bagi pihak yang bertanggungjawab akan bersedia memberikan jawapan di akhirat nanti.

Puan Yang di-Pertua, kita juga pernah membaca akhbar beberapa ketika yang lalu yang menyatakan bahawa Kerajaan Terengganu akan menghapuskan judi. Saya mencadangkan kepada Kerajaan dalam penyusunan Rancangan Malaysia Keenam ini, selaras dengan suara penerapan nilai-nilai Islam yang sentiasa kita dengar di udara, iaitu justeru itu ada lebih baiknya unsur-unsur berbentuk perjudian itu dihapuskan ataupun perbuatan-perbuatan yang bertentangan dengan agama dan prinsip hidup manusia itu sendiri.

Judi boleh meruntuhkan akhlak dan maruah umat manusia. Judi juga boleh menghancurkan kebahagiaan rumah tangga. Judi meruntuhkan dasar ekonomi Islam dan judilah yang menghancurkan kemakmuran dan kestabilan negara.

Oleh itu saya dalam ucapan pertama ini mencadangkan supaya Kerajaan meneliti sebaik-baiknya judi dihapuskan di seluruh Malaysia.

Akhirnya saya menyokong Rancangan Malaysia Keenam dengan mengambil kira setiap program dan langkah tidak bercanggah dengan Islam. Terima kasih.

Puan. Ainon binti Ariffin: Saya persilakan Yang Berhormat Tuan Mustafa bin Awang.

6.11 ptg.

Tuan Mustafa bin Awang: Terima kasih, Puan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk bersama-sama membahas usul Rancangan Malaysia Keenam pada petang ini dan mungkin menjadi orang yang terakhir pada hari ini untuk membahas usul **ini**.

Saya ingin menarik perhatian pertama-tama sekali apabila telah beberapa orang sahabat-sahabat karib, Ahli-ahli Dewan membahaskan usul ini, ada manis, ada pedas dan ada sebahagian daripadanya mencuit hati kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara-perkara yang timbul dan banyak yang telah dibentangkan ini, saya sukalah sentuh beberapa perkara. Untuk makluman Puan Yang di-Pertua, di dalam sepanjang ucapan saya nanti, saya minta izin kerana ada suatu cerita yang sangat menarik mengenai dengan pemerintahan Kerajaan-kerajaan, Negeri dan ada hubung-kait secara langsung dengan hubungan Kerajaan Persekutuan.

Puan Ainon binti Ariffin: Silakan, Yang Berhormat.

Tuan Mustafa bin Awang: Puan Yang di-Pertua, saya suka menyatakan iaitu mengenai dengan Kementerian Pertahanan. Walaupun kita mahu maju, semua alat mahu canggih, semua pegawai mahu cekap dan amanah, maka kita harus tidak lupa bagaimana ketahanan yang perlu malah wajib kita adakan di negara kita iaitu mengenai dengan pertahanan negara.

Apabila kita sebut mengenai dengan pertahanan negara tentulah ada Kementerian yang bertanggungjawab. Kita lihat baru-baru ini peperangan yang begitu besar berlaku dalam dunia yang nyaris-nyaris tentera kita turut serta melibatkan diri di dalam peperangan yang berkenaan. Jadi dengan sebab itu, saya minta Kementerian yang berkenaan dengan peruntukkan yang begitu banyak menyediakan alat-alat yang canggih kepada tentera kita dan memberi latihan yang istimewa kepada anggota tentera kita. Saya suka mengingatkan terutamanya kepada Menteri Pertahanan itu sendiri kerana baru-baru ini suatu isu kecil tetapi menyedihkan iaitu setor simpanan peluru di Melaka telahpun retak.

Dalam statement yang dibuat oleh Menteri yang berkenaan melalui

siaran TV, memberitahu seluruh negara bahawa peluru-peluru ini akan dipindahkan ke suatu tempat tertentu dan disebut nama tempat **itu**. Pada hemat saya perpindahan sesuatu alat senjata dari satu tempat ke satu tempat adalah rahsia dan tidak perlu diberitahu apa lagi melalui televisyen. Kerana siaran televisyen negara kita ini dapat dilihat di negara-negara jiran. Saya yakin oleh kerana negara kita ini umpama anak dara sunti yang sedang disayangi dan dijeling-jeling oleh sekitar negara-negara yang akan kelak menjadi musuh kita, maka maklumat yang dibuat oleh Menteri yang berkenaan ini adalah sangat tidak bersesuaian. Oleh kerana Menteri ini agak muda dari saya, saya nasihatkan pada masa-masa akan datang maklumat-maklumat penting dan rahsia seperti iai tidak perlu dibuat publisiti secara seperti ini. Apa sebab? Kalau ini diketahui oleh musuh di mana simpanan peluru-peluru kita, alat-alat perang kita, bermakna kita sudah serah diri. Kata orang tua-tua kita buka dada lihat pekong kita sendiri.

Saya berharap kerana perkara seperti ini telah berlaku pada beberapa tahun yang lalu, bekas Menteri Dalam Negeri telah membuat statement secara terbuka bagaimana askar dan polis kita berlatih, taktik dan teknik perang melalui televisyen, maka waktu itu Singapura di dalam Malaysia tidak sedikit askar dan polis kita telah disembeh oleh tentera Indonesia sewaktu konfrantasi sehingga kemaluan tentera kita dipotong-potong. Malah ada di antara askar Indonesia ini telah memamah sebahagian-sebahagian daripada kemaluan tentera kita, Apakah ini satu perkara yang tidak boleh menjadi pelajaran kepada kita? Dan berapa banyak komunis telah membunuh

askar dan polis kita. Kerana apa? Apabila kita hendak membuat satu-satu operasi di dalam hutan, sudah tidak lagi menjadi rahsia. Kadangkala si-suami memberitahu si-isteri yang abang atau kekanda akan masuk hutan. Di situ dan di sini. Dan isterinya akan barcakap di mana-mana sahaja di pasar, di kedai kopi. Apakah kita tahu mata-mata gelap musuh ini berada di mana-mana sahaja. Dengan sebab itu dia pintas kita. Dia pintas askar kita dan terus membunuh! Beberapa puluh kali telah berlaku.

Jadi, dengan sebab itulah perpindahan dan apa juga yang kita beli alat senjata - - - - - h dirahsiakan. Kerana saya berpendapat perkara seperti ini tidak perlu kita takut kepada rakyat ataupun parti-parti lawan, kononnya Kerajaan tidak memberitahu secara terus—terang kepada rakyat seluruhnya apa senjata yang kita beli. Tidak perlu. Ini adalah rahsia demi kepentingan negara, ketahanan negara. Kalau semua hendak diberitahu, ertinya Kerajaan sudah tidak berupaya menyimpan rahsia negara.

Jadi tentang hal ini saya sekali lagilah berharap kepada Menteri dan Timbalan Menteri serta Kerajaan, khususnya kakitangan-kakitangan di Kementerian dan di Jabatan-jabatan Pertahanan termasuk Polis, tidaklah semudah itu membuat sebarang publisiti yang kelak akan merosakkan negara dan rakyat itu sendiri.

Saya bertolak kepada perkara yang kedua, Puan Yang di-Pertua. Saya juga mengambil kesempatan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri serta Menteri-menteri dan seluruhnya pegawai-pegawai

Kerajaan yang telah menampakkan bersungguh-sungguh memikirkan, merancang untuk melaksanakan program ini iaitu program Rancangan Malaysia Keenam bagi kesejahteraan rakyat.

Saya juga bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana telah mentajalikan ke dalam hati perut para pemimpin kita untuk melahirkan dan merancang program yang sebegini baik. Pada anggapan saya seluruh rakyat Malaysia hatta dari parti apa sekalipun, seolah-olah mereka ini akan menunggu bulan jatuh ke riba dan insya Allah, dia akan jatuh ke riba.

Tetapi yang malangnya kepada kita, ada setengah manusia dalam negara kita bercakap tidak serupa bikin. Yang ada manusia di dalam negara kita, terutamanya ahli-ahli akademik yang pandai-pandai, yang menggelarkan dirinya ada sebahagian daripada ulamak yang terkemuka, menuduh Kerajaan, sama ada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan yang tidak sebulu denganya, di mana-mana sahaja ada perjumpaan, maka ianya akan membuat tuduhan yang sangat liar. Baru-baru ini berlaku di Kuala Terengganu, seorang pemimpin parti yang dianggap agung oleh pengikut-pengikutnya, menuduh Kerajaan Persekutuan telah tidak mengambil kira dengan serius, terutama sekali mengenai dengan hal-ehwal agama.

Puan Pengerusi, yang menjadi anih kepada saya, ada satu cerita, saya temui daripada Kuala Terengganu ke Kelantan, saya minta izin dari awal-awal lagi tadi, saya bertolak daripada pinggiran persisir pantai, Bukit Cendering ke Kelantan melalui Setiu. Apabila saya tiba di satu tempat, namanya Gerai, saya berhenti di situ, saya lihat ada sebuah bangunan dan saya masuk ke kawasan pagar itu. Apabila saya masuk di sana dan saya berdiri, tiba-tiba bangunan ini bercakap, "dari mana ya tuan hamba?" Saya menjawab, "saya dari rumah di Kuala Terengganu". "Dan kemana tuan hamba hendak pergi?" "Saya hendak ke Kota Bahru".

Puan Ainon bin Ariffin: Macam cerpen pula, Yang Berhormat.

Tuan Mustafa bin Awang: Ya, ini cerita, kerana bangunan ini boleh bercakap dengan saya dalam ertikata yang amat seni. Barangkali ahli agama tahulah. Saya rasa begitu anih, apakah

bangunan ini? Iaitu sebuah masjid batu yang telah didirikan kira—kira 10 tahun yang lalu. Saya tanya kepada bangunan ini, "dulu saya pernah lalu di sini dan singgah di sini tetapi wajah tuan tidak secantik ini, tuan berkaki kayu, berdinding papan dan beratap hanya abastos sahaja". Saya nampak airmukanya begitu jernih sekali dan dia menjawab kepada saya, "saya telah bertukar wajah", Apa sebab—nya?" "Kerana pemimpin-pemimpin yang ada di negeri Terengganu dan di Persekutuan ini terdiri daripada orang-orang yang ingat kepada dia," iaitu ingat kepada tempat beribadah. Kalau dahulu misalnya satu contoh, di negeri Terengganu hanya ada lebih kurang 700 masjid sahaja 10 tahun dahulu maka hari ini hampir 2,000 masjid tidak termasuk surau dan yang menyedihkan saya, masjid ini memberi tahu, "wahai tuan hamba, ada orang Islam yang tidak mahu menjijak di lantai hamba". "Kenapa?" Saya tanya kenapa. "Kerana dianggap masjid yang didirikan oleh Kerajaan Barisan Nasional ini haram hukumnya dan hamba telah digelar sebagai gereja, sedihnya hamba!" Walau bagaimanapun kata masjid, "hamba berdoa kepada Tuhan mudah-mudahan Tuhan buka hijab manusia Islam ini supaya tidak menuduh hamba seperti itu kerana hamba adalah terdiri daripada pasir, batu, cat dan kayu sahaja." Kalau ini telah dihukum haram, maka makna kayu, pasir dan batu serta cat itu sendiri haram. Namun begitu, katanya, "masih ramai orang menggunakan hamba kerana hamba telah berubah wajah." Selesai sahaja saya berdialog sedemikian, dia bertanya kepada saya...

Puan Ainon binti Ariffin: Siapa lagi ada dalam dialog itu, Yang Berhormat?

Tuan Mustafa bin Awang: Ya, saya.

Puan Ainon binti Ariffin: Ada sesiapa lainkah dalam dialog itu?

Tuan Mustafa bin Awang: Tidak ada, hanya saya berdua. Kalau ada orang lain disturb tidak boleh. [Ketawa] Kerana cakapan ini cakapan yang seni, dialog yang seni, dialog yang harus dimengerti oleh ahli-ahli filosofi sahaja.

Puan Ainon binti Ariffin: Yang tersiratnya.

Tuan Mustafa bin Awang: Yang tersirat. Dia memberitahu hamba, "tuan, di sebelah matahari jatuh itu ada sebuah lagi bangunan tingginya tiga tingkat, Mungkin tuan pernah lihat?" "Ya, hamba pernah lihat". Dia bertanya hamba, "bangunan apa itu? Hamba menjawab," inilah dia Institut Pertanian Besut". Ada institutnya bagi mengajar manusia supaya menjadi pandai, langsung saya pergi hanya di tepi pagar, tidak masuk ke dalam pagar. Institut ini dengan keadaan megah berkata, "wahai tuan hamba, ke mana tuan?" "ke Kota Bahru." "Maka tidakkah tuan sudi melihat hamba secara dekat?" "Terima kasih". Tetapi walau macam mana pun ia sempat memberitahu saya,, "hamba telah berdiri megah di sini bukanlah secara ego, bukan dalam bentuk sombong dan takabur, hamba berkhidmat dan berbakti kepada rakyat negeri ini". "Apa bakti mu?" Soal saya. "Hamba mengajar dan menidurkan beberapa orang murid-murid, selepas berpanas dan belajar, dia beristirehat, yang dahulunya tidak ada." Selepas itu saya terus ke Kota Bahru melalui Kuala Besut, yang dahulunya ada sampan kolek menyeberang dari seberang Kastam ke Kuala Besut. "Hari ini hamba rasa kagum kerana jambatan memberi salam." "Ya, tuan hamba, ke mana tuan hamba."

Puan Ainon binti Ariffin: Jambatan pun memberi salam, ya?

Tuan Mustafa bin Awang: Ya, jambatan memberi salam. Saya menjawab, "Ya, tuan hamba jambatan, yang dahulunya hamba hendak menyeberang naik kolek dan terpaksa bayar tambang 20 sen. Hari ini tuan megah berdiri berkaki batu, kereta hamba boleh lalu di atas." Hamba tanya dia, "Siapa tuan yang sebenar? Siapa memberi ini?" "Kerajaan Barisan Nasional." "Untuk apa diberi?" "Untuk keselamatan rakyat." "Alhamdulillah," kata saya.

Puan Pengerusi, tidakkah ini kemajuan fizikal? Sebelum itu hamba nampak sebuah masjid baru tetapi hamba tidak sempat dekat dengannya kerana hamba berkejar ke Kota Bahru. Hamba melalui Semerak yang dahulunya satu jambatan yang paling aneh di Semerak, buluh-buluh disusun diletak di atas sungai dan lalu hatiya motorsikal Honda sahaja. Maka hari ini, waktu negeri Cik Siti Wan Kembang ini di perintah oleh Barisan Nasional telah dibuat satu jambatan dan telahpun boleh lalu dengan kenderaan kereta dan lain-lain. Selepas itu saya terus melalui padang Luas, Padang Kandis namanya - Kandis Talong. Hamba lihat di sana manusia sedang membuat sesuatu. pekerjaan iaitu menanam tembakau, yang dahulunya tidak ada. "Sewaktu kita berbapak lain," kata pokok tembakau. [Ketawa] Semenjak kita dapat bapa baru, ada emak, tanah ini telah dipenuhi dengan pokok-pokok tembakau, yang tidak kurang hasilnya di dalam negara ini dan tanaman kontan di sampingnya ialah timuna, iaitu timun cina. Buat apa sebok panggil tembikai.

Puan Ainon binti Ariffin: Timunan, Yang Berhormat?

Tuan Mustafa bin Awang: Timuna - timun cina, jadi pendeknya "timuna".

Puan Ainon binti Ariffin: Timun-na.

Tuan Mustafa bin Awang: Lepas itu saya belok ke kiri, saya dapati satu pagar yang begitu luas, saya tanya orang di situ....

Puan Ainon binti Ariffin: Ahli Yang Berhormat, saya minta maaf, sebelum Ahli Yang Berhormat belok ke kiri, mungkin ingin masuk ke dalam pagar....

Tuan Mustafa bin Awang: Ya, akan belok ke kanan.

Puan Ainon bin Ariffin: Akan masuk ke kanan, maka oleh kerana jam telah menunjukkan tepat 6.30 petang, Yang Berhormat akan diminta menyambung lagi ucapan yang mempunyai rangkaian filosofi ini pada 5.8.91 selepas pertanyaan-pertanyaan jawab mulut.

Tuan Mustafa bin Awang: Insya Allah, jika diizinkan.

Puan Ainon binti Ariffin: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat yang dihormati sekalian, dengan **ini**, saya tangguhkan Dewan Ini sehingga pada 5hb Ogos, 1991, bersamaan dengan hari Isnin jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang